

58

59

Jilid IV  
Bil. 1



Hari Isnin  
23hb Mei, 1977



# LAPURAN PERSIDANGAN OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT

*FOURTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG*

PENGGAL YANG KEEMPAT  
*Fourth Session*

MESYUARAT YANG PERTAMA  
*First Meeting*

**Jilid IV**  
**Bil. 1**



**Hari Isnin**  
**23hb Mei, 1977**

**LAPURAN PERSIDANGAN**  
**OFFICIAL REPORT**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG**  
**YANG KEEMPAT**

*FOURTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG*

**PENGGAL YANG KEEMPAT**  
*Fourth Session*

**MESYUARAT YANG PERTAMA**  
*First Meeting*

**KANDUNGANNYA**

**PENGUMUMAN TUAN SPEAKER [2]**  
**UCAPAN TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI [2]**  
**MEMBENTANGKAN RISALAH-RISALAH [8]**  
**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT KEPADA SOALAN-SOALAN [8]**  
**JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS KEPADA SOALAN-SOALAN [18]**  
**RANG UNDANG-UNDANG [45]**  
**USUL-USUL [50]**

PULAU PINANG  
DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KEEMPAT

*Laporan Persidangan*  
PENGKAL YANG KEEMPAT  
MESYUARAT YANG PERTAMA

Hari Isnin, 23hb Mei, 1977

HAZIR :

- Yang Berhormat Tuan Speaker (Datuk Haji Harun bin Sirat, D.M.P.N.)  
Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dr Lim Chong Eu)  
Yang Berhormat Penasihat Undang-undang (Encik Haidar bin Mohd. Noor)  
Yang Berhormat Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim, D.M.P.N.)  
" " Kawasan Kampung Kolam (Encik Khoo Kay Por, J.M.N., J.P.)  
" " Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman, A.M.N., P.J.K.)  
" " Kawasan Sungai Bakap (Encik S.P. Chelliah, J.P.)  
" " Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Mohamad Noor bin Haji Bakar, P.P.N., J.P.)  
" " Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong, A.M.N.)  
" " Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali, P.J.K.)  
" " Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Ngak Seng *alias* Khor Gark Kim)  
" " Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh *alias* Mat Noor, P.J.K.)  
" " Kawasan Bukit Glugor (Encik Tan Gim Hwa, J.M.N.)  
" " Kawasan Paya Terubong (Encik Khoo Teng Chye)  
" " Kawasan Sungai Pinang (Encik Wong Choong Woh, J.P.)  
" " Kawasan Penanti (Encik Abdullah bin Mohamed *alias* Mahmud, P.P.N.)  
" " Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak, P.P.N.)  
" " Kawasan Bagan Dalam (Encik T. Subbiah, P.J.K.)  
" " Kawasan Sungai Nibong (Dr Choong Sim Poey)  
" " Kawasan Teluk Bahang (Encik Yahya bin Haji Mohamed Yusoff, P.J.K.)  
" " Kawasan Tasek Glugor (Encik Samsuddin *alias* Md. Noor bin Ahmad, P.J.K.)  
" " Kawasan Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh, A.M.N.)  
" " Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee)  
" " Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How)  
" " Kawasan Bukit Tambun (Encik Ong Bok Chuan *alias* Ng Swee Ching, A.M.N., P.J.K.)  
" " Kawasan Pengkalan Kota (Encik C. Y. Choy)

TIDAK HAZIR :

- " " Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun)

TURUT HAZIR :

Setiausaha, Dewan Undangan Negeri (Encik Wong Hin Fatt, P.J.M.)

## 1. DOA

## 2. PENGUMUMAN TUAN SPEAKER

**Tuan Speaker:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana mengingat akan Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi bin Haji Abdullah, saya minta Ahli-Ahli Yang Berhormat serta semua yang hadir sekalian bertafakur selama dua minit dan orang-orang Islam haraplah sedekah sebuah Fatihah kepada Allahyarham.

*(Semua yang hadir berdiri dan bertafakur selama dua minit).*

## 3. UCAPAN TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebentar lagi Tuan Yang Terutama akan tiba masuk ke Dewan ini untuk melafazkan ucapannya.

(Datuk Speaker, didahului oleh Setiausaha Dewan, menuju ke Bilik Speaker untuk menyambut Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri.

Tuan Yang Terutama dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Hajjah Sadiyah, diiringi oleh Juruiring-juruiring, memasuki Bilik Persidangan didahului oleh Datuk Speaker dan Setiausaha Dewan Undangan.

Para hadirin berdiri dan tunduk semasa Tuan Yang Terutama dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Hajjah Sadiyah berjalan menghampiri kerusi beliau).

**Setiausaha:** Ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri (Yang Amat Berhormat Ketua Menteri menyerahkan ucapan kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri).

**Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri:** Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Yang Berhormat Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, Pulau Pinang.

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan rahmat dan limpah perkenannya dapat saya berucap sekali lagi kepada Dewan ini sempena Mesyuarat Pertama bagi Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Yang Keempat.

Tahun 1977 merupakan tahun yang penuh dengan cabaran. Rakyat kita hendaklah terus mengekalkan usaha membangun negara serta menjamin keamanan, keselamatan dan kebahagiaan masyarakat kita.

Kita hendaklah juga berusaha ber-sungguh-sungguh untuk melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga mengikut jadual bagi mencapai objektif-objektif Dasar Ekonomi Baru dan mengujudkan satu masyarakat yang adil dan saksama bagi seluruh rakyat.

Peristiwa cemerlang dalam tahun 1977 ialah keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dalam bulan April 1977 untuk melakukan lawatan rasmi Diraja ke Negeri ini. Ini merupakan suatu detik sejarah yang akan menjadi kenangan abadi dan disanjudi oleh Kerajaan dan segenap lapisan rakyat Negeri ini. Sambutan yang begitu meriah, mesra dan gembira secara spontan membuktikan penghormatan tinggi dan perasaan kasih sayang yang tidak terhingga dari seluruh rakyat kita terhadap Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda berdua. Oleh itu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang berkenaan di atas sambutan yang diberikan sedemikian rupa. Kerajaan dan rakyat Negeri Pulau Pinang menjunjung kasih dan terhutang budi ke bawah Duli-Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda berdua di atas limpah perkenan mencemarkan duli selama lima hari ke Negeri ini.

Kerajaan Negeri akan meneruskan kerjasamanya yang rapat dengan Kerajaan Persekutuan untuk mencapai objektif-objektif sosio-ekonomi kita. Kita akan menyambut dengan sepe-nuhnya seruan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn untuk membina satu masyarakat berdikari yang berazam mengekalkan keamanan dan keselamatan kita.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk menyampaikan ucapan terima kasih dan penghargaan saya kepada

Pasukan-pasukan Keselamatan dan Polis yang telah menjalankan tugas dan kewajipan mereka dengan penuh gigit dan dedikasi. Kejayaan mereka terhadap musuh-musuh kita dan pengorbanan yang telah mereka berikan telah membolehkan rakyat Malaysia menikmati keamanan dan keselamatan di dalam Negara pada keseluruhannya.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada rakyat Negeri Pulau Pinang yang telah menjalankan tanggungjawab sivik mereka dengan begitu berkesan untuk membantu usaha Pasukan Keselamatan dan Polis. Kesediaan mereka menyertai Jawatankuasa-jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung, Rukun Tetangga, RELA, Perhubungan Masyarakat, PEMADAM dan lain-lain organisasi membuktikan penglibatan rakyat di dalam perjuangan menentang anasir-anasir subversif, anti-nasional dan kegiatan-kegiatan anti-sosial. Kerajaan akan berusaha dengan sedaya upayanya untuk membantu organisasi-organisasi sivik ini di dalam menjalankan tugas-tugas mereka bagi menghapuskan penyalahgunaan dadah, jenayah kanak-kanak dan tindakan liar bersenjata demi mencapai mutu hidup yang lebih sempurna di kalangan masyarakat mereka.

Dengan pelancaran Rancangan Malaysia Ketiga oleh Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn pada 19hb Julai, 1976, maka rancangan pembangunan sosio-ekonomi Kerajaan Negeri adalah dijalankan dengan lebih pesat lagi. Kerajaan Negeri sedang melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga di dalam konteks dasarnya untuk menjalankan projek-projek perindustrian desa dan perbandaran kawasan-kawasan luar-bandar, membesar dan mempelbagai-kan asas "agro-horticulture" selaras dengan pembaharuan bandar di Pulau Pinang.

Dalam bulan Oktober, 1976, Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn, Perdana Menteri Malaysia, telah melakukan lawatan rasminya yang pertama ke Negeri ini. Kita sangat terhutang budi terhadap pimpinannya yang merupakan satu galakan kepada kita bagi melaksanakan Rancangan

Malaysia Ketiga mengikut jadual. Lawatan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn telah memperkukuhkan lagi perhubungan yang rapat dan mesra yang terdapat pada masa ini di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Kita semua berdoa ke hadrat Ilahi semoga Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn akan dapat mengekalkan keazaman dan keberanian rakyat kita bertindak mencapai matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru dan membentuk satu masyarakat yang berdikari.

Kerajaan akan mengekalkan segala kemajuan yang telah dicapai melalui pembangunan sosio-ekonomi. Pembangunan sektor pembinaan akan menitik-beratkan penyediaan lebih banyak lagi tempat-tempat tinggal, khususnya untuk masyarakat dari golongan yang berpendapatan rendah. Di samping itu Kerajaan akan melancarkan rancangan-rancangan bagi meninggikan taraf perusahaan tempatan sambil menambahkan lagi kemudahan-kemudahan kepada sektor perniagaan dan perdagangan, khasnya kepada peniaga-peniaga kecil dan penjaja-penjaja.

Rancangan perumahan ini melibatkan satu kajian yang "comprehensive" atau menyeluruh terhadap pentadbiran perumahan murah yang dikelolakan oleh Kerajaan Negeri dengan tujuan meninggikan mutu pengurusan yang sedemikian, di samping membina lebih banyak lagi rumah-rumah bagi rakyat kita melalui Rancangan Malaysia Ketiga dan projek-projek Kerajaan Negeri sendiri. Satu usaha yang bersungguh-sungguh akan dijalankan bagi menyelesaikan masalah setinggan-setinggan apabila lebih banyak lagi rumah-rumah didirikan.

Kerajaan Negeri akan mengurangkan Simpanan Hasil Amnya pada bila-bila masa yang difikirkan perlu dibelanjakan untuk melancar dan mempercepatkan rancangan-rancangan perumahan di dalam Negeri, termasuk pengambilan, pembentukan dan penebus-guna tapak-tapak baru memandangkan kepada perkembangan pembangunan perumahan serta urbanisasi yang dijangka berlaku dengan pesatnya.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan akan membina 2,770 yunit rumah yang berharga \$26,170,000. Menjelang akhir tahun ini, 2,327 yunit rumah akan siap untuk diduduki. Pembangunan perumahan Negeri akan dijalankan dengan cara mendirikan Rumah-Rumah Peralihan dan Rumah-rumah Murah di kawasan-kawasan yang mempunyai kadar ketempatan yang tinggi iaitu di mana terdapat penduduk-penduduk yang ramai sekali. Bersama-sama dengan pembangunan biasa yang diusahakan oleh sektor swasta dalam bidang perumahan, maka angka ini merupakan penambahan dua kali ganda terhadap kemampuan Negeri ini bagi menyediakan yunit-yunit perumahan kepada rakyat jelata pada tahun-tahun yang sudah dalam sejarah Negeri ini.

Akan tetapi, adalah penting bagi rakyat kita untuk bekerjasama rapat dengan Kerajaan pada setiap masa supaya dapat kita mencapai objektif-objektif untuk memenuhi keperluan-keperluan perumahan rakyat mengikut cara yang adil dan teratur.

Kerajaan akan memajukan Rumah-rumah Peralihan di atas tapak-tapak yang telah dikhaskan bagi maksud ini. Rumah-rumah sejenis ini, yang dianggap perlu oleh Kerajaan untuk dimajukan semula mengikut perancangan terkawal dalam masa 20 tahun yang akan datang, akan disewakan kepada orangramai. Di kawasan-kawasan yang akan dimajukan semula dalam jangka masa yang lebih panjang, tapak-tapak akan diberimilik kepada penduduk-penduduk kita bagi tempoh masa sekurang-kurangnya 30 tahun supaya membolehkan mereka membina rumah-rumah mereka sendiri dengan bantuan Kerajaan. Kerajaan juga sedang aktif menyediakan satu rancangan di mana tiap-tiap sekeping tanah Kerajaan seluas 5 ekar akan dijual kepada sektor swasta melalui tawaran umum menurut syarat-syarat tertentu. Selain dari memenuhi objektif-objektif Kerajaan bagi membina lebih banyak rumah untuk rakyat, maka kita juga dapat menunaikan kewajipan Negeri bagi membayar balik pinjaman Perse-

kutuan atas pembelian tanah-tanah tersebut.

Dengan rancangan raksaksa yang dijalankan oleh sektor pembinaan, samada dari pihak swasta mahupun awam, maka adalah penting bagi rakyat kita menghindarkan djri dari membina rumah-rumah haram. Kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang tegas, jika perlu, di bawah Peruntukan Undang-Undang Kanun Tanah Negara serta Akta baru Kerajaan Tempatan dan Undang-Undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan, untuk mencegah sebarang pembinaan perumahan haram, khasnya di atas Tanah Kerajaan. Rakyat tidak lagi akan mempunyai sebab-sebab untuk melanggar undang-undang dan cuba menjadi setingan-setingan haram.

Kerajaan akan memperuntukkan rumah-rumah di tiap-tiap kawasan di Negeri ini dengan mendirikan projek-projek perumahan di setiap Kawasan Pilihanraya Negeri. Kesemua projek-projek ini akan dilengkapi dengan kemudahan sosial dan sivik yang cukup seperti padang-padang permainan, pusat-pusat membeli-belah dan juga tapak penjaja supaya kehidupan rakyat kita dapat dikedalkan di pusat-pusat masyarakat baru di mana mereka ditempatkan semula dan diintegrasikan di bawah Rancangan Perumahan Negeri.

Untuk menentukan supaya projek-projek urbanisasi bandar dan pembangunan perumahan dijalankan menurut perancangan yang teratur dan terkawal, maka Kerajaan bercadang untuk melaksanakan Akta Perancangan Bandar dan Desa Negeri ini. Ini bermakna Jawatankuasa Perancang Negeri akan diwujudkan dan Plan Struktur Negeri disediakan. Adalah dijangka, apabila kerja ini disempurnakan, maka pembangunan akan dapat dimajukan dengan lebih sistematik dan mudah bagi pemaju-pemaju, khasnya yang terdiri daripada sektor swasta.

Sistem perhubungan lalu-lintas akan menghubungkan Pulau Pinang dengan Seberang Perai melalui projek-projek tertentu seperti pembinaan jambatan di antara Pulau Pinang dan Tanah

Besar Semenanjung, jalanraya Relau/Balik Pulau dan jalan-jalan yang menghubungkan pusat-pusat perkembangan baru dengan pusat bandar. Kerajaan juga akan memajukan perkhidmatan pengangkutan yang lebih baik, yang akan memberi kemudahan kepada rakyat kita. Konsep "paired roads" atau jalan kembar selari yang akan dikenakan bayaran tol sedang giat dikaji oleh Jawatankuasa Tetap Kerja-kerja.

Kita telah berjaya mengekalkan perkembangan perusahaan kita. Dalam tempoh duabelas bulan yang lalu, akibat buruk dari kemerosotan ekonomi dunia adalah kurang kemerosotan ekonomi di Pulau Pinang daripada apa yang kita jangkakan. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah dapat memberikan perkhidmatan yang sewajarnya kepada para pelabur dan pengusaha yang ingin mendirikan kilang di kawasan-kawasan perindustrian kita, khususnya di Zon-zon Perdagangan Bebas. Kerajaan menjangkakan bahawa pelabur-pelabur dan pengusaha-pengusaha tempatan akan memajukan potensi Kawasan Perdagangan Bebas supaya kawasan-kawasan ini digunakan untuk kemudahan menyimpan barang-barang yang tidak dikenakan cukai, atau "bulk-breaking", membungkus dan memproses barang-barang untuk menampung keperluan-keperluan perniagaan dan perdagangan tempatan kita di kawasan-kawasan Perdagangan Bebas ini. Kita mestilah mengukuhkan langkah cara mengujudkan pekerjaan-pekerjaan untuk murid-murid yang berhenti daripada sekolah tiap-tiap tahun.

Kemasukan Pulau Pinang dalam Kawasan Utama Kastam telah menimbulkan perasaan kurang senang hati dan keciwa di kalangan pengusaha-pengusaha perdagangan tradisional dan pihak perniagaan di Pulau Pinang ini. Kerajaan akan membantu sektor perniagaan untuk memajukan potensi Kawasan-kawasan Perdagangan Bebas ini dengan sepenuhnya dan akan memohon kelulusan Kerajaan Persekutuan bagi melaksanakan Sekim Dokumentasi Pelancungan yang efektif supaya pelancungan "bona fide" atau sebenarnya diberi kemudahan

membeli tanpa dikenakan cukai di Kawasan Perdagangan yang kita dirikan.

Kejayaan pelaksanaan peringkat pertama KOMTAR atau Kompleks Tun Abdul Razak membuktikan bahawa, dengan kerjasama yang rapat, di antara rakyat dan agensi-agensi Kerajaan, peniaga-peniaga kita boleh mengorak langkah ke satu peringkat baru dalam bidang perniagaan bandar.

Di semua segi pembangunan, Kerajaan telah menentukan bahawa objektif Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan dengan teliti dan teratur. Penyertaan Bumiputra dalam setiap bidang pembangunan telah dikukuhkan. Dengan berlandaskan di atas objektif ini, Kerajaan Negeri telah memupuk perhubungan yang rapat dengan Kerajaan Persekutuan supaya agensi-agensi yang telah ditubuhkan khas untuk menggalakkan pembangunan ekonomi Bumiputra memainkan peranan yang lebih aktif dalam Negeri Pulau Pinang pada masa yang akan datang.

Kerja-kerja pembinaan Masjid Negeri telah bermula pada 1hb Oktober, 1976. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang telah dengan murah hati menghulurkan derma bagi menjayakan projek ini. Saya juga berharap sumbangan yang lebih banyak lagi akan dihulurkan oleh semua lapisan rakyat. Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan akan menyumbangkan wang juga untuk projek ini. Namun demikian, Kerajaan berharap rakyat kita dengan ikhlas dan murah hati akan terus menghulurkan derma supaya Masjid Negeri akan siap dibina dengan secepat mungkin. Masjid Negeri ini akan melambangkan perpaduan rakyat dalam mempertahankan Perlembagaan kita.

Bangunan Lapanganterbang Antarabangsa Pulau Pinang yang baru akan disiapkan pada bulan Mei, 1978. Landasan baru sepanjang 11,000 kaki telahpun siap dibina. Ini akan merintis satu peringkat baru dalam kemajuan pelancungan yang telah dipupuk dengan teliti sejak beberapa tahun yang lalu. Kerajaan berharap pihak swasta akan memainkan peranannya untuk

menggalakkan pelancungan di Pulau Pinang, khasnya dalam membina lebih banyak bilik-bilik hotel dan menambahkan perkhidmatan-perkhidmatan yang diperlukan.

Kerajaan Negeri sedang menjalankan kerja memperbaiki Keretapi Bukit Bendera yang dijangka siap pada akhir tahun ini untuk menambahkan keupayaan perusahaan pelancungan kita supaya pelawat-pelawat ke Pulau Pinang dapat menikmati keindahan alam semulajadi yang sangat menarik.

Pada masa ini, kita telahpun menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat dan melancarkan rancangan perumahan yang besar. Kerajaan sedang mengkaji pelbagai cara untuk menyediakan kemudahan-kemudahan rekreasi yang lebih baik bagi rakyat supaya dapat mereka bekerja dan bercampur-gaul dalam usaha mengujudkan kehidupan yang lebih sempurna dan sihat.

Kerajaan Negeri akan bekerja rapat dengan negeri-negeri lain di dalam Persekutuan, khasnya dengan negeri-negeri di Utara Semenanjung Malaysia untuk menyelaraskan fungsi-fungsi keselamatan serta juga memajukan perancangan dan pembangunan wilayah. Kejayaan Minggu Malaysia Utara di Adelaide bukan sahaja telah mempereratkan semangat persefahaman di antara kita dan Australia Selatan khasnya, dan benua Australia amnya; bahkan telah memperluaskan harapan usaha-bersama di keempat-empat buah negeri di wilayah Malaysia Utara. Mesyuarat Keselamatan bersama yang diadakan baru-baru ini di antara negeri-negeri Pulau Pinang, Perlis, Kedah dan Perak merupakan satu lagi contoh kerjasama kewilayahan demi faedah rakyat kita dalam negeri-negeri yang berkenaan. Kerajaan juga akan terus memupuk perhubungan sosial-ekonomi yang lebih erat dengan negara-negara ASEAN, khasnya negara-negara berjiran dengan negeri kita, iaitu dengan Indonesia (Sumatra Utara dan Aceh) dan negara Thai. Sumatra Utara telah menyertai Pesta Perdagangan dalam Pesta Pulau Pinang dan kita pula telah berbuat demikian dalam Pesta Medan baru-baru ini.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Air, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan Pihak Berkuasa Tempatan atas usaha gigih yang telah mereka sumbangkan dalam tahun-tahun yang lalu. Semangat dedikasi mereka untuk berkhidmat bagi memenuhi keperluan rakyat telah memastikan bahawa pelaksanaan projek-projek Rancangan Malaysia Ketiga akan dijalankan dengan licin mengikut jadual. Adalah penting bagi mereka mengekalkan tradisi perkhidmatan yang bermutu ini untuk menghasilkan kecekapan yang lebih tinggi melalui penyelarasan usaha-usaha mereka.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terhadap pimpinan dinamik yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Dr Lim Chong Eu, Ketua Menteri Pulau Pinang. Beliau, dan rakan-rakan sejawatnya di dalam Kerajaan, telah menyumbangkan khidmat bakti yang cemerlang di dalam usaha menentukan kemajuan yang pesat serta menjamin keamanan dan kemakmuran Negeri ini. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan ini yang sentiasa bergerak cergas demi kepentingan kawasan masing-masing khasnya, dan Negeri ini amnya.

Walaupun kita telah bergerak maju dalam pembangunan sosio-ekonomi, Kerajaan telah juga giat melibatkan diri untuk mengkaji dan menyusun semula struktur pentadbiran Negeri ini. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua, kebanyakan penyusunan semula tugas-tugas Kerajaan telah tertumpu kepada penubuhan agensi-agensi Kerajaan yang baru seperti Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, Pihak Berkuasa Air dan penyusunan semula Pentadbiran Tanah. Pada hari ini Kerajaan adalah terlibat secara langsung dalam penyusunan semula Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan dengan tujuan memberikan perkhidmatan yang lebih baik dan cekap kepada pembayar-pembayar cukai.



Dengan pelaksanaan Akta Kerajaan Tempatan 1976, sistem pentadbiran Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan, di bawah seorang Pegawai Pentadbir Majlis, telah berubah kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai. Pelaksanaan ini adalah bergantung kepada kebolehan Majlis baru itu untuk memenuhi keperluan pembayar-pembayar cukai dengan cekapnya. Ini juga bergantung kepada keupayaan ahli-ahli yang telah dilantik ke Majlis itu bagi memainkan peranan serta menyelaraskan usaha mereka dengan sumbangan perkhidmatan pegawai-pegawai Pihak Berkuasa Tempatan.

Majlis Mesyuarat Kerajaan juga telah memperluaskan bidang pentadbirannya, termasuk penubuhan tujuh Jawatankuasa-jawatankuasa Tetap iaitu Tanah, Kerajaan Tempatan dan Hal Ehwal Ugama, Kemudahan dan Perkhidmatan, Kerja-kerja dan Pelancungan, Belia, Sukan dan Rekreasi, Pertanian dan Perkhidmatan Haiwan dan Perumahan. Tiap-tiap sebuah Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan yang dijangkakan akan menyumbangkan perkhidmatan yang lebih baik demi kepentingan rakyat kita. Perkembangan baru dalam pentadbiran Kerajaan ini akan memberi keupayaan yang lebih luas terhadap perkhidmatan am untuk mengatasi masalah-masalah yang kian bertambah di kalangan masyarakat yang sedang membangun dengan lebih cekap dan berkesan.

Kita sedang bergerak dengan pesatnya ke arah mencapai matlamat-matlamat kita. Rancangan Malaysia Ketiga merupakan Rancangan Pembangunan yang paling besar pernah dilaksanakan dalam sejarah Negara dan Negeri kita. Jika bersungguh-sungguh berusaha melaksanakan Rancangan ini dengan penuh ketabahan dan keazaman, diharapkan, dengan izin Allah, kita akan dapat menuju ke arah mencapai objektif membina satu masyarakat yang adil dan saksama untuk seluruh rakyat kita di dalam Negeri Pulau Pinang dan Malaysia.

Kita mestilah sedar bahawa kita hendaklah berdedikasi pada setiap masa

demi kepentingan rakyat. Walaupun peruntukan wang Rancangan Malaysia Ketiga telah bertambah berlipatganda, namun demikian kita mesti memahami bahawa ini memerlukan usaha yang bersungguh-sungguh bagi menjadikan sebagai satu kenyataan kejayaan untuk kebaikan rakyat kita.

Rakyat seluruhnya hendaklah mempertahankan prinsip-prinsip Rukunegara dan sentiasa bekerjasama serapat-rapatnya dengan Kerajaan untuk menjaga keselamatan, keamanan dan kebahagiaan masyarakat kita. Dengan limpah rahmat dan limpah perkenan Allah kita akan mencapai segala yang telah dipertanggungjawabkan kepada kita demi kepentingan seluruh rakyat Negeri Pulau Pinang.

Dengan perasaan yang amat sedih dan terharu kita di Dewan ini merakamkan kehilangan Allahyarham Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Badawi bin Haji Abdullah yang telah kembali ke Rahmatullah secara mengejut pada hari Sabtu, 7hb Mei, 1977. Jasanya yang cemerlang kepada Negeri khususnya dan negara amnya, secara keseluruhan akan menjadi kenangan abadi. Allahyarham Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Badawi ialah seorang sahabat karib saya yang telah berjuang di dalam gelanggang politik, ugama dan kemasyarakatan bersama-sama saya hampir 31 tahun, dan dengan berkat Allah, Allahyarham bersama-sama dengan Allahyarham ayahandanya, bekas Mufti Pulau Pinang, dan saya, dalam bulan Disember, 1955 telah bersetuju mencadangkan 31hb Ogos, 1957 menjadi tarikh kemerdekaan Malaya, yang mana telah diterima oleh Pemuda UMNO dan disokong oleh sekalian rakyat, dan dengan izin Allah telah berjaya. Allahyarham bukan sahaja seorang pejuang politik yang terkenal, tetapi seorang ahli politik yang jujur, suci dan ikhlas serta juga seorang guru dan ulamak yang terkenal yang menggalakkan kerja-kerja dakwah dan pelajaran tinggi yang berkhidmat untuk rakyat, ugama dan Negara sampai ke akhir hayatnya. Dengan perasaan sedih, saya dan Toh Puan serta semua Ahli-ahli Dewan ini menyampaikan ucapan takziah

dan perasaan pilu yang amat sangat kepada isterinya, Datin Kailan binti Haji Hassan, dan seluruh keluarganya. Kita berdoa Allah akan memberi mereka kesabaran dan ketabahan hati. Kita sekalian berdoa ke hadrat Ilahi semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat oleh Allah Subhanahu Wataala dan dihimpunkanNya bersama-sama golongan orang-orang Syuhada dan Saleh di Syorga. Alfatihah.

**Tuan Speaker:** Tuan Yang Terutama, izinkan saya berucap kepada Dewan ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini adalah ditangguhkan sehingga 2.30 petang ini. Sebentar lagi Tuan Yang Terutama akan meninggalkan Dewan ini. Ahli-ahli Yang Berhormat dan para hadirin sekalian dipersilakan ke perkarangan Dewan ini untuk menikmati jamuan ringan.

(Para hadirin semua berdiri. Tuan Yang Terutama dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Hajjah Sadiah, diiringi oleh Juruiring-juruiring, berangkat keluar dari Bilik Persidangan ke Bilik Speaker didahului oleh Datuk Speaker dan Setiausaha Dewan).

*Dewan ditangguhkan pada jam 10.35 pagi.*

*Dewan bersidang semula jam 2.30 petang.*

#### 4. MEMBENTANGKAN RISALAT-RISALAT.

**Ketua Menteri:** Tuan Speaker, saya mohon membentangkan di atas Meja Dewan Kertas-kertas Bilangan 1, 3 dan 4 tahun 1977 seperti yang tersenarai dalam Susunan Urusan Mesyuarat.

#### 5. (A) JAWAPAN-JAWAPAN MULUT KEPADA SOALAN-SOALAN.

**(I) Ahli Kawasan Tasek Glugor (Encik Md. Noor bin Ahmad):** bertanya kepada Ketua Menteri.

Tuan Speaker, soalan yang ketiga.

3. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa Penghulu-penghulu di Negeri Pulau Pinang adalah tersangat penting dalam hubungan orangramai dengan Kerajaan dalam pentadbiran Kerajaan? Jika sedar, adakah Kerajaan bercadang mengadakan rumah-rumah untuk Penghulu-

penghulu supaya dapat menjalankan kerja-kerja mereka mengikut kawasan Mukim yang ditugaskan kepada mereka demi kebaikan Kerajaan dan rakyat?

(3. Is the Hon'ble Chief Minister aware that Penghulu in the State of Penang from the major link between the public and the Government in the Government administration? If so, has the Government any plans to provide quarters for the Penghulus in the Mukims in which they are assigned to for the benefit of both the Government and the public?)

**Ketua Menteri:** Tuan Speaker, jawapan saya ialah ya. Permohonan-permohonan Penghulu-penghulu untuk rumah Kerajaan akan diberi keutamaan jika ada rumah Kerajaan di dalam kawasan yang mereka bertugas.

**Ahli Kawasan Tasek Glugor (Encik Md. Noor bin Ahmad):** Tuan Speaker, soalan keempat.

4. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa dengan pengisytiharan menjadikan seluruh Negeri Pulau Pinang kawasan Majlis Perbandaran telah menjadikan seluruh rakyat di luar bandar sangat gelisah dan marah kepada Kerajaan?

(4. Is the Hon'ble Chief Minister aware that with the declaration of the whole of Penang under the jurisdiction of the Municipal Councils, the people in the rural areas have been antagonised?)

**Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim):** Tuan Speaker, jawapannya tidak.

**Ahli Kawasan Tasek Glugor (Encik Md. Noor bin Ahmad):** Tuan Speaker, soalan yang kelima. (a) dan (b).

5. (a) Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa wang sebanyak \$5.00 untuk mendapatkan borang perumahan oleh P.D.C. itu seperti yang dijalankan itu sebagai satu penindasan kepada rakyat?

(b) Adakah Y.A.B. Ketua Menteri akan memansuhkan wang untuk mendapatkan borang perumahan oleh P.D.C. itu di masa-masa yang akan datang?

(5. (a) Is the Hon'ble Chief Minister aware that a fee of \$5.00 for housing forms charged by P.D.C. is an exploitation vis - a - vis the public?

(b) Does the Hon'ble Chief Minister intend to abolish the fees charged for housing forms by P.D.C. in the future?)

**Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong):** Tuan Speaker, jawapan 5 (a), borang perumahan P.D.C. adalah percuma; dan (b) borang perumahan P.D.C. adalah percuma.

**Ahli Kawasan Tasek Glugor (Encik Md. Noor bin Ahmad):** Tuan Speaker, soalan keenam.

6. Sepertimana Y.A.B. Ketua Menteri sedia maklum bahawa surat-surat Pajak Gadai yang digadaikan oleh rakyat di Negeri Pulau Pinang pada masa ini telah tidak mengikut peraturan yang betul. Misalnya seperti di bawah ini:

- (a) Nama, alamat dan No. Kad Pengenalan Pegadai.
- (b) Jenis barang yang digadai serta beratnya.
- (c) Harga barang-barang atau benda yang digadai.
- (d) Tarikh gadai dan akhirnya yang sempurna.

hendaklah dituliskan dibelakang surat pajak gadai itu.

- (6. As the Hon'ble Chief Minister is aware the pawn tickets issued to members of the public do not conform to regulations for example:

- (a) Name, address and Identity Card of the customer;
- (b) Type of article pawned and its weight;
- (c) Price of article pawned;
- (d) Date of pawning and its expiry date;

should be written on the reverse side of the pawn ticket?)

**Ketua Menteri:** Tuan Speaker, mengikut Peraturan 6 dalam Peraturan-peraturan yang dibuat oleh Menteri di bawah Seksyen 45 Akta Pemegang Pajak Gadai, tahun 1972, surat pajak gadai yang diberikan kepada pemajagadai oleh pemegang lesen hendaklah mengandungi butir-butir yang berikut:

- (i) Nama, gelaran dan alamat pemegang lesen;
- (ii) Jenis barang yang digadai;
- (iii) No. siri barang yang digadai seperti yang tercatat dalam buku pemegang lesen;
- (iv) Jumlah pinjaman yang dibuat atasnya;
- (v) Kadar bunga wang dan lain-lain faedah yang dibenar untuk dikenakan mengikut Peraturan-peraturan ini;
- (vi) Bunga wang dan lain-lain faedah yang dikenakan;
- (vii) Masa penebusan sandaran;
- (viii) Tarikh gadai;

(ix) Nama, umur, jantina, No. Kad Pengenalan dan alamat pemajagadai; dan

(x) Sekiranya pemajagadai bukan pemilik barang yang hendak digadai, nama, umur, jantina, bangsa, No. Kad Pengenalan dan alamat si pemilik.

Sekiranya seseorang pemegang lesen tidak mematuhi peraturan-peraturan ini, tindakan yang sewajarnya akan diambil terhadapnya. Sehingga hari ini, Pihak Berkuasa Negeri belum lagi menerima apa-apa sungutan daripada orangramai mengenai pemegang pajak gadai yang melanggar mana-mana peraturan ini.

**Ahli Kawasan Tasek Glugor (Encik Md. Noor bin Ahmad):** Tuan Speaker, soalan ketujuh.

7. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa rombongan Minggu Pulau Pinang di Adelaide dari sejak dahulu hingga sekarang telah tidak pernah dipilih langsung dari Jabatan Kemajuan Masyarakat Negeri Pulau Pinang?

Jika sedar adakah usaha-usaha untuk memasukkan pegawai-pegawai dan/ atau kakitangan Jabatan ini ke dalam rombongan di masa-masa yang akan datang?

- (7. Is the Hon'ble Chief Minister aware that the Penang Week Delegation to Adelaide has never included any representatives from Jabatan Kemajuan Masyarakat, Penang? If so, are there any plans to include the officers and/ or staff of this Department in such delegation in the future?)

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman):** Tuan Speaker, untuk menjawab soalan yang ketujuh ialah ya. Akan tetapi pemilihan peserta-peserta untuk Minggu Malaysia Utara di Adelaide adalah berdasarkan kepada penglibatan mereka dengan 'counterpart' mereka di Australia. Sehingga sekarang, Datuk Speaker, nampaknya tidak ada aktiviti-aktiviti Jabatan Kemajuan Masyarakat yang ada bersangkutan rapat dengan aktiviti-aktiviti di Australia Selatan.

**(II) Ahli Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh)** bertanya kepada Ketua Menteri:

Datuk Speaker, soalan yang pertama.

1. Apakah tujuan Kerajaan meletakkan tanah-tanah di sebahagian Mukim satu dan sebahagian di Mukim dua Seberang Perai Utara

di bawah Seksyen 4, Akta Pengambilan Tanah?

1. What is the aim of Government in gazetting under Section 4 of the Land Acquisition Act, part of lands in Mukim 1 and Mukim 2, Province Wellesley North?)

**Ketua Menteri: Tuan Speaker,** tujuannya mewartakan kawasan-kawasan ini di bawah Seksyen 4 ialah untuk mengkaji akan kemungkinan memajukan kawasan-kawasan terlibat sebagai satu rancangan memperbandarkan kawasan luar bandar termasuk pelebaran jalan dan peruntukan jalan-jalan yang baru. Akan tetapi, tindakan mewartakan di bawah Seksyen 4 tidak bermakna bahawa semua lot-lot yang terlibat akan diambil untuk maksud ini kerana pengambilan tanah yang sebenarnya bergantung kepada keputusan-keputusan kajian yang dibuat. Ada juga kemungkinan bahawa tindakan pengambilan akan ditarik balik sekiranya kajian menunjukkan bahawa keseluruhan kawasan itu tidak sesuai untuk dimajukan sebagai satu rancangan memperbandarkan kawasan luar bandar.

**Ahli Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh):** Terima kasih.

Datuk Speaker, soalan yang kedua.

2. Bolehkah Kerajaan memberi peruntukan bagi menjaga dewan orangramai di luar bandar memandang adanya dewan-dewan yang terbiar dan tidak memadai dengan berharap kepada tenaga-tenaga sukarela sahaja?
2. Can the Government provide an allocation for the maintenance of community halls in rural areas instead of only depending on voluntary maintenance in view of the neglected condition of some community halls?)

**Ahli Kawasan Kampung Kolam (Encik Khoo Kay Por):** Tuan Speaker, bagi soalan kedua, jawapan saya adalah menjadi amalan Kerajaan Negeri membaiki kerja-kerja dan menjaga Dewan-dewan Orangramai/Balai Rakyat di bawah peruntukan projek-projek kecil Pembangunan Masyarakat. Walau bagaimanapun oleh kerana peruntukan tersebut kecil dan perlu digunakan untuk melaksanakan projek-

projek lain yang lebih penting, sumbangan sukarela penduduk-penduduk kampung yang menggunakan dewan-dewan tersebut adalah 'diharapkan demi kepentingan mereka sendiri.

**Ahli Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Md. Noh):** Datuk Speaker, soalan yang ketiga.

3. Bilakah rancangan untuk memperbesarkan dan mendalamkan taliair (Titi Serdang) Ptg. Janggus, Mukim 2, akan dimulakan kerana pengambilan tanah telah lama dibuat oleh pihak Jabatan Parit dan Taliair?
- (3. When will work on the widening and deepening of the irrigation canal (Titi Serdang) Permatang Janggus, Mukim 2 start as acquisition of land by D.I.D. has long been completed?)

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman):** Tuan Speaker, untuk menjawab soalan ini, kerja-kerja memperbaiki Sungai Titi Serdang ini tidak akan dimulakan sehingga pembinaan saluran keluar baru dan pintu kawalan pasang-surut bagi rancangan Sungai Tembus disiapkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Ini adalah perlu kerana Sungai Titi Serdang bergantung kepada Sungai Tembus sebagai saluran keluar ke laut. Rancangan Sungai Tembus dicadangkan akan dimulakan pada akhir tahun ini dan dijangka siap menjelang akhir tahun 1979.

**(III) Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Tan Gim Hwa)** bertanya kepada Ketua Menteri:

Datuk Speaker, soalan pertama.

1. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan bilangan syarikat usaha-bersama (Joint Venture) yang telah ditubuhkan dengan rakyat Australia Selatan sebagai hasil daripada 'Minggu Pulau Pinang' di Adelaide? Jika ada, sila nyatakan:
  - (a) Nama syarikat-syarikat tersebut dan bidang perniagaannya.
  - (b) Permodalan yang telah dilaburkan oleh syarikat-syarikat tersebut.
  - (c) Angka pecahan bilangan rakyat Malaysia dan Australia Selatan yang terlibat dalam syarikat-syarikat tersebut.

- (d) Setakat manakah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang melibatkan diri dalam syarikat-syarikat tersebut, jika ada.
- (e) Adakah penyertaan rakyat Australia Selatan ini dengan wang tunai atau dengan cara lain? Jika dengan cara lain, nyatakan butir-butir selanjutnya.
- (f) Sudahkah syarikat-syarikat tersebut mula berniaga? Jika sudah, nyatakan samada tiap-tiap syarikat tersebut telah mendapat keuntungan dari hasil perniagaannya?

(1. Can the Honourable Chief Minister inform this House the number of Joint Ventures set up with South Australians as a result of the "Penang Week" in Adelaide? If so, please state:

- (a) Name of Company and type of business.
- (b) Capital invested by the companies.
- (c) Break-down figures of Malaysians and South Australians involved in the companies.
- (d) The extent of participation by P.D.C. in the companies, if any.
- (e) Is the participation of South Australians in the form of cash or other? If other, please give details.
- (f) Have the said companies started their operations? If so, please state whether these companies have made any profits?)

**Ketua Menteri:** Bahagian soalan (a), sehingga hari ini, dua syarikat usaha-bersama telah ditubuhkan dengan pihak Australia Selatan. Syarikat-syarikat ini ialah:

I. Australasia International Development Sdn. Bhd. (AID).

II. Austral-Asia Development Pty. Ltd. (ditubuhkan di Adelaide).

Kedua-dua syarikat ini bertujuan bertindak sebagai mangkin (catalyst) terhadap kegiatan-kegiatan pembangunan di kedua-dua negeri. Penubuhan kedua-dua syarikat ini juga telah membawa kepada penubuhan sebuah syarikat yang ketiga iaitu Panelex Malaysia Sdn. Bhd. yang ditubuhkan dalam tahun 1974 bagi tujuan menjalankan kerja-kerja pembinaan dan penjualan rumah-rumah "Modular" di dalam Negeri Pulau Pinang.

Jawapan saya bagi peringkat (b) ialah:

*Permodalan Syarikat-syarikat Australasia International Developments Sdn. Bhd. (AID)*

Modal syarikat yang dibenarkan (authorised capital) ialah \$1 juta dan modal permulaan dikumpulkan (initial called-up capital) ialah \$500,000 dan kesemua modal ini telah dikeluarkan. Pihak Australia Selatan memiliki 40% daripada modal yang dikeluarkan yang berjumlah sebanyak \$200,000.

*Austral-Asia Development Pty. Ltd. (ditubuhkan di Adelaide)*

Modal syarikat yang dibenarkan ialah A\$50,000 dan kesemuanya telah dikeluarkan. Pihak Australia Selatan memiliki 60% syer dalam syarikat ini.

*Panelex Malaysia Sdn. Berhad.*

Modal Syarikat Panelex Sdn. Bhd. yang dibenarkan ialah \$1 juta dan modal yang dikumpul (called-up capital) ialah \$500,000. Modal permulaan yang dikumpulkan ialah \$250,000 dan Australasia International Development Sdn. Bhd. memiliki 16% syer dalam Syarikat ini.

Jawapan kepada peringkat (c) ialah setakat mana Australasia International Developments Sdn. Bhd. dan Austral-Asia Developments Pty. Ltd. berkenaan, mereka telah bertindak sebagai "promoter" atau "catalyst" dalam menggalakkan kegiatan-kegiatan perniagaan di kedua-dua negeri mereka. Oleh yang demikian mereka tidak mengambil kakitangan secara langsung. Panelex Malaysia Sdn. Bhd. telah menubuhkan kilangnya di kawasan Perusahaan Prai dan kilangnya dijalankan oleh warga negara Malaysia seramai 17 orang hari ini.

Jawapan saya kepada peringkat (d) ialah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang tidak terlibat secara aktif dalam perjalanan Austral-Asia International Development Sdn. Bhd. dan Austral-Asia Development Pty. Ltd. yang sebenarnya tetapi mempunyai wakil-wakil di dalam Lembaga-Lembaga Pengarah seimbang dengan equiti yang dipegang olehnya.

Setakat mana Panelex Sdn. Bhd. berkenaan, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah meminjam dua orang Jurutera dan sepuluh orang kakitangannya iaitu:

- 2 orang Juruteknik
- 1 orang Tukang Pelan Senibena
- 7 orang Pekerja I.M.G.

Tuan Speaker, jawapan saya kepada peringkat (e) dalam soalan ini ialah sumbangan pihak Australia Selatan terhadap syarikat-syarikat ini ialah dengan wang tunai.

Minta maaf. Lagi ada peringkat (f), sebagaimana yang disebutkan tadi, selain daripada Panelex, syarikat-syarikat yang lain telah mula berjalan berdasarkan sebagai badan perundingan dan galakan. Operasi Panelex baru-baru dimulakan dan oleh yang demikian, adalah terlalu awal untuk menyatakannya keadaan perlaksanaannya dalam tahun kewangannya yang pertama.

**Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Tan Gim Hwa):** Tuan Speaker, soalan yang kedua.

2. Salah satu objektif utama menganjurkan Minggu Pulau Pinang/Malaysia Utara ialah untuk memberi perangsang dan galakan supaya dapat mempelawa lebih ramai lagi pelancung-pelancung Australia ke Pulau Pinang. Oleh yang demikian, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan angka-angka perbandingan bagi pelancung-pelancung Australia yang melawat ke Pulau Pinang pada tahun 1974, 1975 dan 1976?
- (2. One of the main objectives in organising the Penang North Malaysia Week is to encourage more Australian tourists to Penang. Can the Honourable Chief Minister therefore inform this House the comparative figures of Australian tourists who visited Penang in 1974, 1975 and 1976?)

**Ketua Menteri:** Tuan Speaker, Perbadanan Kemajuan Pelancungan mencatatkan seramai 229,660 ketibaan pelancung-pelancung secara langsung dari Australia, New Zealand, United Kingdom, Canada, Amerika Syarikat dan Ireland dalam tahun 1974. Pecahan angka tidak dapat diperolehi untuk Australia sahaja.

Mulai tahun 1975, Perbadanan Kemajuan Pelancungan menguntukkan jumlah pelancung-pelancung yang berikut dari Australia dan New Zealand.

Tahun 1975 ... 20,061

Tahun 1976 ... 18,082

**Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Tan Gim Hwa):** Tuan Speaker, soalan ketiga.

3. Berikan angka perbelanjaan mengenai penganjuran Minggu Malaysia Utara dan sumbangan kewangan yang diberi oleh Negeri ini ke atas perbelanjaannya?
- (3. Please state the amount of expenditure incurred in organising the North Malaysia Week and the financial contribution of the State towards the expenditure?)

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman):** Datuk Speaker, angka-angka perbelanjaan mengenai penganjuran Minggu Malaysia Utara di Adelaide tidak dapat diberi lagi oleh sebab Penyata Kira-kira masih belum lagi diputuskan. Kerajaan Negeri telah menganggarkan belanjawan sebanyak \$500,000 untuk memenuhi perbelanjaan yang akan dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri.

**Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Tan Gim Hwa):** Tuan Speaker, soalan keempat.

4. Adakah benar bahawa pelajar-pelajar Malaysia/Australia telah mengadakan tunjuk perasaan terhadap Minggu Malaysia Utara semasa perayaannya yang berlangsung di Adelaide? Sila terangkan sebab-sebab kejadian tersebut.
- (4. Is it true that there was a demonstration by the Malaysian/Australian students against the North Malaysia Week during its celebration in Adelaide? Please give reasons for the demonstration.)

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman):** Datuk Speaker, jawapan saya ialah ya. Tetapi adalah benar bahawa beberapa pelajar-pelajar Malaysia/Australia telah mengadakan tunjuk perasaan terhadap Minggu Malaysia Utara dan juga kepada Negara Malaysia. Tunjuk perasaan ini bertujuan mengkritikkan Minggu Malaysia dan juga Malaysia kerana ianya tidak benar-benar mencerminkan keadaan penghidupan yang sebenarnya di Malaysia.

**Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Tan Gim Hwa):** Tuan Speaker, soalan kelima.

5. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan tentang kerugian-kerugian yang telah dialami oleh Kerajaan Negeri dalam penajaan Lumba Kereta Pulau Pinang (Penang Circuit Races) pada tahun 1970 hingga 1976?

| Tahun | Tajaan                          | Keuntungan  | Kerugian    |
|-------|---------------------------------|-------------|-------------|
| 1970  | Kelab Sukan Motor Pulau Pinang  | —           | —           |
| 1971  | Kerajaan Negeri                 | \$ 5,987.98 | —           |
| 1972  | Kerajaan Negeri                 | \$17,929.38 | —           |
| 1973  | Kerajaan Negeri                 | —           | \$34,638.38 |
| 1974  | Kelab Sukan Motor, Pulau Pinang | —           | —           |
| 1975  | Kerajaan Negeri                 | —           | \$ 6,663.15 |
| 1976  | Kerajaan Negeri                 | \$ 6,323.00 | —           |

**Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Tan Gim Hwa):** Soalan keenam, Datuk Speaker.

6. Kerajaan Negeri telah berulang kali menyeru sektor-sektor swasta untuk membina rumah-rumah murah. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini samada Kerajaan Negeri bersedia untuk melonggarkan undang-undang yang ketat supaya membolehkan sektor-sektor swasta membina rumah-rumah murah untuk faedah kumpulan-kumpulan yang berpendapatan rendah?
- (6. The State Government has time and again called upon the private sector to construct low-cost houses. Can the Honourable Chief Minister therefore inform this House whether the State Government may consider to relax the stringent laws to enable the private sector to construct low-cost houses for the benefit of the low-income groups?)

**Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong):** Kerajaan Negeri bukan menjadi pihak berkuasa untuk menguruskan soal undang-undang kecil bangunan. Sebaliknya hal ini adalah diuruskan dengan sewajarnya oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Seberang Perai. Akan tetapi kedua-dua majlis telah diminta memberi pertimbangan khas atas plan-plan bangunan bagi rumah-rumah murah yang dikemukakan oleh sektor swasta. Sejauh mana saya sedar Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan tidak memperkenalkan apa-apa undang-undang kecil bangunan yang baru. Oleh yang demikian, undang-undang kecil itu tidak merupakan undang-undang yang

- (5. Can the Honourable Chief Minister inform this House the losses incurred by the State Government in sponsoring the Penang Circuit Races for 1970 to 1976?)

**Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik S.P. Chelliah):** Datuk Speaker, jawapan bagi soalan kelima adalah seperti berikut:

lebih ketat kerana undang-undang kecil ini adalah sama seperti mana yang diterima oleh orang ramai pada umumnya selama bertahun-tahun.

**Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Tan Gim Hwa):** Datuk Speaker, soalan ke tujuh.

7. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa para saudagar di Kompleks Tun Abdul Razak sedang mengalami kemerosotan dalam perniagaan mereka? Jika benar, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberi pertimbangan semula samada projek itu harus diteruskan?
- (7. Is the Honourable Chief Minister aware that businessmen in KOMTAR are suffering a decline in business. If so, can the Honourable Chief Minister reconsider whether this project should be continued?)

**Ketua Menteri:** Tuan Speaker, Kerajaan bertimbang masalah-masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga di dalam Komtara atau Kompleks Tun Abdul Razak boleh dijangka memandangkan kepada mana-mana usaha baru yang dijalankan. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang mempunyai perhubungan rapat dengan persatuan peniaga-peniaga Komtara untuk menyelesaikan masalah penguurusan dan juga masalah yang melibatkan penyewa-penyewa Kompleks Tun Abdul Razak dan perniagaan mereka. Saya sedar akan masalah-masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga di Kompleks Tun Abdul Razak yang disebabkan oleh keadaan lembab pada masa ini di dalam aliran perniagaan, dan Perbadanan Pembangunan Pulau

Pinang selalu bersimpati dan memahami akan penyewa-penyewa dan masalah-masalah mereka. Tindakan baru telahpun diambil dan akan diambil untuk memberi segala bantuan yang boleh untuk membantu mereka dalam mengatasi sebarang masalah yang mungkin dihadapi oleh mereka dalam tempoh masa yang singkat ini.

Kerajaan tidak menimbang keadaan yang dihadapi oleh peniaga-peniaga di KOMTAR sebagai satu asas dan alasan yang cukup menasabah bagi membolehkannya mengubah keputusannya untuk meneruskan lagi dengan projek tersebut.

**Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Tan Gim Hwa):** Tuan Speaker, soalan kelapan.

8. Berapakah yang telah dibayar kepada kontraktor-kontraktor dan 'Development Consortium' Kompleks Tun Abdul Razak setakat ini?
- (8. How much has been paid to the contractor and 'Development Consortium' of KOMTAR to date?)

**Ketua Menteri:** Jumlah wang sebanyak \$34,361,794.75 telah dibayar kepada beberapa orang kontraktor bagi kerja-kerja yang dijalankan untuk Kompleks Tun Abdul Razak. Development Consortium telah dibayar sejumlah \$3,560,000 setakat ini sebagai bayaran perundingan.

**Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Tan Gim Hwa):** Datuk Speaker, soalan kesembilan.

9. Berapa jumlah kawasan tanah perindustrian telah dijual pada tahun 1976?
- (9. How much industrial land has been sold in 1976?)

**Ketua Menteri:** Tuan Speaker, pada tahun 1976 jumlah kawasan tanah perindustrian yang telah dijual ialah 6.15 ekar. Pecahan jumlah tersebut ialah:

|                              |             |
|------------------------------|-------------|
|                              | <i>ekar</i> |
| Zon perdagangan bebas Perai  | 2.00        |
| Kawasan Perusahaan Perai ... | 2.15        |
| Kawasan Perusahaan Bayan     | 1.00        |
| Lepas                        |             |
| Zon Perdagangan Bebas Bayan  | 1.00        |
| Lepas                        |             |

**Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Tan Gim Hwa):** Tuan Speaker, soalan kesepuluh.

10. "Quit rent" pada dahulunya telah diistilahkan sebagai "Hasil Geran"; tetapi kini dinamakan pula sebagai "Sewa Tanah". Ini telah menimbulkan keraguan para pemilik tanah. Mereka bimbang bahawa dengan penggunaan istilah "Sewa Tanah" adalah suatu langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menukarkan tanah-tanah mereka dari "Freehold" ke "Leasehold". Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberi jaminan kepada persidangan ini bahawa langkah ini tidak akan berlaku?
- (10. "Quit rent" was formerly termed as "Hasil Geran" but is now known as "Sewa Tanah". This has caused confusion among the landowners. They fear that the use of the terms "Sewa Tanah" may be a step taken by the Government to convert their lands from "freehold" to "leasehold". Can the Honourable Chief Minister therefore assure this House that such steps will not be taken?)

**Ketua Menteri:** Tuan Speaker, perkataan "Sewa Tanah" itu sama juga pengertiannya dengan "Hasil Geran" atau "Hasil Tanah" sebagai maksud "Quit Rent" dalam bahasa Inggeris. Penukaran tanah daripada "Freehold" kepada "Leasehold" adalah satu *issue* yang berasingan.

**(IV) Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How)** bertanya kepada Ketua Menteri:

Datuk Speaker, soalan pertama.

1. Sila nyatakan banyaknya Biasiswa dan Biasiswa kecil yang telah diberi pada tahun-tahun 1976 dan 1977?
- (1. Please state the number of Scholarships and Minor Scholarships given in 1976 and 1977?)

**Ketua Menteri:** Tuan Speaker, 20 biasiswa Negeri Pulau Pinang telah diberikan pada tahun 1976 seperti berikut:

|                             |     |        |    |
|-----------------------------|-----|--------|----|
| <b>I. Universiti Malaya</b> |     |        |    |
| Perubatan                   | ... | ...    | 2  |
| Kejuruteraan                | ... | ...    | 4  |
| Ekonomi dan Pentadbiran     | ... | ...    | 3  |
| Undang-Undang               | ... | ...    | 1  |
| Pergigian                   | ... | ...    | 1  |
| Sains                       | ... | ...    | 2  |
|                             |     | Jumlah | 13 |



## II. *Universiti Sains Malaysia*

|                     |   |
|---------------------|---|
| Sains Sosial ... .. | 2 |
| Kemanusiaan ... ..  | 1 |
| Jumlah ... ..       | 3 |

## III. *Institusi Teknologi MARA*

|                     |   |
|---------------------|---|
| Akauntansi ... ..   | 1 |
| Kejuruteraan ... .. | 2 |
| Jumlah ... ..       | 3 |

## IV. *Universiti Pertanian Malaysia*

|                     |    |
|---------------------|----|
| Jumlah Besar ... .. | 20 |
|---------------------|----|

965 Biasiswa Kecil Negeri Pulau Pinang telah diberikan kepada penuntut-penuntut di sekolah-sekolah menengah di seluruh Negeri Pulau Pinang pada tahun 1976.

Lembaga Biasiswa Negeri, Pulau Pinang akan mengadakan temuduga Biasiswa untuk memilih penuntut-penuntut untuk Biasiswa Negeri Pulau Pinang tahun 1977 di dalam bulan ini.

Permohonan untuk Biasiswa Kecil Negeri Pulau Pinang untuk tahun 1977 belum ditawarkan oleh kerana Jabatan Pelajaran Negeri, Pulau Pinang masih dalam proses mempelawa permohonan-permohonan untuk Biasiswa Kecil Negeri.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Tuan Speaker, soalan tambahan, bolehkah Y.A.B. memberitahu Dewan ini berapa banyak jumlah ada dalam kedua-dua scholarships dalam tahun 1976?

**Ketua Menteri:** Tuan Speaker, itu soalan tambahan yang teliti saya minta notis.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Datuk Speaker, soalan kedua.

2. Sila nyatakan jumlah peruntukan untuk membina jalan basikal (bicycle track) di Jalan Raja Uda, Butterworth dan bilakah kerja ini akan dimulakan?

(2. Please state the total amount of funds allocated for the construction of a bicycle track in Jalan Raja Uda, Butterworth and when will work begin?)

**Ketua Menteri:** Tuan Speaker, jumlah sebanyak \$56,500 telah diperuntukkan bagi pembinaan lorong basikal di Jalan Raja Uda, Butterworth. Kerja-kerja pembinaan lorong basikal itu akan bermula pada minggu ketiga bulan Mei, tahun ini.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Tuan Speaker, soalan ketiga.

3. Sila nyatakan masa yang dijangka untuk persiapan "Titi Timbul" (pontoon bridge) di Permatang Pauh dan dibuka untuk kegunaan orangramai?

(3. Please state when the 'Pontoon Bridge' in Permatang Pauh is expected to be completed and opened to the public?)

**Ketua Menteri:** Tuan Speaker, tarikh siap yang dijangka dan pembungkuan Titi Timbul tersebut untuk kegunaan orangramai ialah penghujung bulan Mei, tahun ini. Walaubagaimanapun orang-orang berjalan kaki telah dibenar untuk menggunakan Titi Timbul itu semenjak pertengahan bulan April yang lalu.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Tuan Speaker, soalan tambahan: Jikalau titi itu telah siap, bolehkah kereta besar, bas dengan orang dalam bas jalan terus di titi itu? Boleh tahankah titi baru ini?

**Ketua Menteri:** Tuan Speaker, dalam jawapan saya, saya ada kata ini telah siap.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Tuan Speaker, soalan keempat.

4. Sudahkah peruntukan \$5,454,500 untuk Rancangan Rumah Murah bagi tahun 1976 habis dibelanjakan? Kalau tidak berapa a banyakkah telah dibelanjakan?

(4. Has the allocation of \$5,454,500 for low-cost housing for 1976 been spent? If not, how much has been spent?)

**Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong):** Tuan Speaker, dari jumlah peruntukan sebanyak \$5,454,500 untuk Rancangan Perumahan Murah bagi tahun 1976, sejumlah \$2,832,323.75 telah digunakan.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Soalan tambahan, bagi bahagian kedua, kalau kita belanja semua, sebab apa wang tidak semua sekali belanja?

**Tuan Speaker:** Yang Berhormat, bahagian telahpun dijawab.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Soalan kelima, Datuk Speaker.

5. Apakah bantuan Kerajaan Negeri yang telah diberi kepada Perlumbaan Motor (Motor Racing) yang telah diadakan dalam bulan ini?
- (5. What is the State contribution towards the Motor Circuit Races which was held earlier this month?)

**Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik S.P. Chelliah):** Tuan Speaker, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyediakan pemberian sejumlah \$10,000 bagi tahun 1977 untuk perlumbaan Kereta-Kereta Motor. Di samping itu pihak-pihak swasta juga telah menderma sumbangan kewangan seperti berikut—

|                        | \$        | c. |
|------------------------|-----------|----|
| Rothmans Pall Mall ... | 15,000.00 |    |
| East Asiatic ...       | 1,000.00  |    |
| Volvo Sdn. Bhd. ...    | 500.00    |    |
| Wearne Brothers ...    | 2,500.00  |    |
| Shell ...              | 2,000.00  |    |
| Castrol ...            | 1,500.00  |    |
| Elgie Marka Sdn. Bhd.  | 500.00    |    |
| NGK. Spark Plugs ...   | 250.00    |    |
| Boon Siew Sdn. Bhd.    | 250.00    |    |
| Guan Hoe Co. Sdn. Bhd. | 1,000.00  |    |
|                        | <hr/>     |    |
|                        | 24,500.00 |    |
|                        | <hr/>     |    |

Jumlah keseluruhan bantuan (termasuk pemberian dari Kerajaan) ialah—\$34,500.00

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Terima kasih Datuk Speaker, soalan keenam.

6. Bolehkah Kerajaan membahagikan borang-borang permohonan rumah murah di setiap Pejabat Daerah supaya orang ramai tidak payah membuang masa datang ke Pulau Pinang untuk mendapat borang tersebut? Jika boleh, bolehkah Kerajaan melaksanakannya dengan segera?

- (6. Can the Government distribute housing forms in all District Offices so that the public need not come to Penang to get the forms? If so, can the Government implement this immediately?)

**Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe/Leong):** Tuan Speaker, jawapan saya bagi soalan keenam adalah ya. Kerajaan Negeri telahpun mengambil tindakan untuk mengedar/membahagi borang-borang permohonan perumahan murah Negeri melalui Pejabat-pejabat Daerah.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Terima kasih, soalan ketujuh.

7. Samadakah persediaan telah dibuat untuk mengadakan "Minggu Adelaide" di Pulau Pinang pada tahun depan?
- (7. Has arrangements been made to hold the Adelaide Week in Penang next year?)

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman):** Datuk Speaker, secara rasmi Kerajaan Australia Selatan belum menyatakan bahawa mereka akan mengadakan "Minggu Adelaide di Pulau Pinang" dan saya berharap bagi Yang Berhormat akan menyokong penuh sekiranya "Minggu Adelaide" diadakan.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Terima kasih, Tuan Speaker, soalan kelapan.

8. Adakah P.D.C. bercadang untuk membina rambak di sepanjang Sungai Perai di Ladang Seberang Jaya?
- (8. Does P.D.C. plan to construct an embankment (tambak) along Sungai Perai at Seberang Jaya Estate?)

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman):** Datuk Speaker, untuk menjawab soalan ini, sebuah ban tersedia ada buat masa ini. Jika pembangunan seterusnya memerlukan pembaikan atas ban ini, kerja-kerja akan dijalankan mengikut keperluan-keperluan Pihak-pihak Berkuasa.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Datuk Speaker, soalan kesembilan.

9. Bagaimanakah Catamaran digunakan pada hari ini?

- (9. How is the Catamaran being used today?)

**Ketua Menteri:** Tuan Speaker, Catamaran tersebut sekarang masih berdarat di Pulau Jerejak dan diselenggarakan oleh Penang Ship-building Corporation.

**Ahli Kawasan Bukit Mertajam (Encik Oh Teik Aun):** Soalan tambahan, Tuan Speaker.

Adakah apa-apa gerakan atau pelan mengenai Catamaran itu?

**Ketua Menteri:** Tuan Speaker, Kerajaan sedang menimbang untuk membelinya bagi kegunaan sebagai *house-boat* peranginan dan sedang menimbangkan adakah lain-lain rancangan Catamaran itu boleh dipakai.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Terima kasih. Datuk Speaker, soalan kesepuluh.

10. Adakah rancangan untuk memaju tanah di antara Pejabat Daerah Seberang Perai Utara dan Pejabat Mailis Perbandaran Seberang Perai di Butterworth?

- (10. Are there any plans to develop the piece of land between the District Office, Province Wellesley North and the Office of the Municipal Council, Province Wellesley in Butterworth?)

**Ketua Menteri:** Tuan Speaker, tanah ini ialah Tanah Kerajaan dengan keluasan lebih-kurang  $1\frac{1}{2}$  ekar. Kerajaan sedang mengkaji tentang kemungkinan kegunaan tanah ini. Buat masa ini ia-nya dijadikan sebagai kawasan lapang umum.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Datuk Speaker, soalan kesebelas.

11. Adakah apa-apa perusahaan berkongsi yang baru ditubuhkan oleh P.D.C. dengan pelabur asing pada tahun 1976 dan 1977? Kalau ada, sila berikan nama syarikat-syarikat yang berkenaan.

- (11. Are there any new joint-ventures set up by P.D.C. with foreign investors in 1976 and 1977? If so, please name the companies concerned?)

**Ketua Menteri:** Tuan Speaker, tidak ada.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Datuk Speaker, soalan kedua belas.

12. Adakah langkah yang sewajarnya diambil oleh Kerajaan untuk mengosongkan tanah yang akan dibina rumah murah di Bagan Ajam? Kalau ada, sila nyatakan langkah-langkah yang akan diambil?

- (12. Has the Government initiated appropriate steps to vacate the piece of land to be used for low-cost housing in Bagan Ajam? If so, what are the steps to be taken?)

**Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong):** Tuan Speaker, Kerajaan Negeri sedang mengambil tindakan untuk menempatkan semula setinggian-setinggian yang sedang menduduki di atas tapak yang dirancang untuk pembinaan Rancangan Rumah Murah Bagan Ajam, Peringkat I. Keputusan tegas masih belum dibuat tentang kawasan di mana setinggian-setinggian akan ditempatkan semula.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Terima kasih. Datuk Speaker, soalan ketiga belas.

13. Bolehkah Kerajaan menimbang menukar pelaksanaan Transitional Housing Scheme di Jalan Mohd. Saad kepada M.P.S.P. yang adalah tuan tanah bagi tempat itu? Kalau tidak, apakah sebabnya?

- (13. Can the Government consider handing over the Transitional Housing Scheme at Jalan Mohd. Saad to the Municipal Council, Province Wellesley, the owner of the area? If not why?)

**Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong):** Tuan Speaker, cadangan tersebut sedang dirundingkan di antara pihak Kerajaan Negeri dengan Majlis Perbandaran, Seberang Perai dan suatu keputusan dijangka akan diperolehi tidak lama lagi.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Terima kasih Soalan keempat belas, Datuk Speaker.

14. Adakah Syarikat Penang Commercial & Industrial Development Bhd. perusahaan berkongsi yang ditubuhkan oleh P.D.C. dan peniaga-peniaga Pulau Pinang, menjalankan apa perniagaan besar pada tahun penghabisan 31-12-1976? Kalau ada apakah jumlah pusingan tiap-tiap bulan?

- (14. Has Syarikat Penang Commercial and Industrial Development Bhd., a joint venture between the P.D.C. and some businessmen in Penang, done much business up till 31-12-1976? If so, what is the monthly turn-over?)

**Ketua Menteri:** Tuan Speaker, Syarikat Penang Commercial and Industrial Development Bhd. (PCID) telah ditubuhkan dengan satu modal dibenarkan sebanyak \$10 juta dan cadangan modal "called-up" sebanyak \$1 juta. Syarikat ini dibiayai oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan Dewan Perniagaan Cina. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang memegang 20% syer, dan sehingga hari ini, Syarikat tersebut telah melaburkan sejumlah \$300,000 dalam Syarikat Oriental Steel Industries Sdn. Bhd. yang merupakan 30% syer Syarikat itu. Syarikat Penang Commercial and Industrial Development Bhd. juga memegang 45% syer dalam Penang Construction Shd. Bhd. (PENCON).

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Terima kasih. Datuk Speaker, soalan kelima belas.

15. Bagaimanakah kedudukan Penang Electronic Sdn. Bhd. dalam Excel Malaysia Sdn. Bhd? Samadakah Syarikat Excel masih menjalankan perniagaannya pada masa ini?
- (15. What is the situation of Penang Electronic Sdn. Bhd. in Excel Malaysia Sdn. Bhd? Is Syarikat Excel still operating today?)

**Ketua Menteri:** Tuan Speaker, Penang Electronic Sdn. Bhd. tidak mempunyai apa-apa pelaburan dalam Excel Malaysia Sdn. Bhd.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Datuk Speaker, soalan keenam belas.

16. Apakah kemajuan yang telah tercapai dalam rundingan Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan berkenaan pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas (Free Trade Area) di Pulau Pinang? Adakah Kerajaan menimbangkan tempat lain untuk projek ini kerana tapak Weld Quay pada masa ini telah diambil oleh P.P.C.?

- (16. What is the progress achieved in the negotiations between the State Government and the Federal Government with regard to the im-

plementation of a Free Trade Area in Penang? Is the Government considering other sites for this project as the Weld Quay site has been acquired by the P.P.C.?)

**Ketua Menteri:** Tuan Speaker, rundingan-rundingan antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan telah ditangguhkan untuk sementara. Kerajaan Negeri telah menimbangkan kawasan-kawasan lain untuk dimajukan sebagai Kawasan Perdagangan Bebas.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Terima kasih. Datuk Speaker, soalan ketujuh belas.

17. Bolehkah Kerajaan mengarahkan semua pihak yang berkenaan mengambil perhatian bahawa semua jalan-jalan yang diperbaiki mestilah ditambah seperti sediakala tanpa melengah.
- (17. Can the Government direct all the authorities concerned to ensure that all roads under repair should be filled up accordingly without any delay?)

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman):** Datuk Speaker, bagi menjawab soalan yang ketujuh belas dan untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, Jabatan-jabatan yang terlibat biasanya ialah:

1. Majlis Perbandaran Pulau Pinang—untuk kerja-kerja najis, memperbaiki lopak-lopak jalan di Negeri ini.
2. Jabatan Talikom—untuk menanam kebel-kebel dan lorang-lorang.
3. Lembaga Letrik Negara—untuk kebel-kebel dan lorang-lorang.
4. Jabatan Kerja Raya—untuk memperbaiki lopak-lopak di luar kawasan Majlis Perbandaran di Seberang Perai dan juga di sini.

## 5. (B) JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS KEPADA SOALAN-SOALAN.

**Ketua Menteri:** Tuan Speaker, jawapan-jawapan kepada soalan-soalan yang telah dikemukakan adalah dibentangkan di atas Meja Dewan.

**(I) Ahli Kawasan Tasek Glugor (Encik Md. Noor bin Ahmad) bertanya kepada Ketua Menteri:**

1. Bilakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mula menjalankan kerja-kerja membina jalan bagi menyambung jalan yang sedia ada dari Kampong Tok Bidor ke Pokok Jenerih terus ke Pinang Tunggal?
2. Bilakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mula membina mesjid-mesjid, surau-surau, sekolah-sekolah agama rakyat dan tokong-tokong baru?
3. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan memansuhkan pelan-pelan rumah di kawasan-kawasan luar bandar di seluruh Negeri Pulau Pinang?
4. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan menambahkan lagi peruntukan elaun, perbatuan bagi Penghulu-Penghulu di Negeri Pulau Pinang, yang pada masa ini tugas-tugas mereka tidak tentu siang dan malam?

**Ketua Menteri:**

1. J.K.R. Pulau Pinang telah bercadang untuk membina sebuah jalan dari Kampong Tok Bidor ke Kampong Baru untuk menyambung dengan jalan Kampong Selamat/ Pinang Tunggal yang sedia ada di bawah Rancangan Malaysia Ketiga tetapi cadangan ini tidak diluluskan. Kerajaan akan cuba lagi untuk mengemukakan cadangan ini kepada Kerajaan Persekutuan untuk pertimbangan di bawah kajian semula pertengahan Rancangan Malaysia Ketiga.
2. Kerajaan Negeri tidak membiayai pembinaan masjid-masjid, surau-surau, sekolah-sekolah agama rakyat dan tokong-tokong. Projek-projek ini kini biasanya dikendalikan oleh Pihak Berkuasa Persekutuan (Jabatan Perdana Menteri).
3. Kerajaan Negeri bukan pihak berkuasa yang meluluskan pelan-pelan bangunan di seluruh Negeri. Kelulusan ini adalah hak mutlak kedua-dua Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Seberang Perai. Bagaimanapun, adalah difahamkan bahawa kedua-dua Majlis Perbandaran telah meluluskan pelan-pelan tertentu (Standard type plans) bagi pembinaan rumah-rumah di kawasan-kawasan luar bandar yang boleh dipakai oleh orangramai, dengan syarat tapak itu diluluskan oleh Majlis yang berkenaan.
4. Tidak ada perlu menambahkan lagi peruntukan kewangan untuk menemui tuntutan-tuntutan elaun perbatuan daripada Penghulu-Penghulu sebab peruntukan sekarang adalah cukup untuk menemui tuntutan-tuntutan tersebut.

**(II) Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun) bertanya kepada Ketua Menteri:**

1. Bilakah Kerajaan akan melancarkan pembinaan jambatan-jambatan 'open span' untuk menggantikan jambatan-jambatan 'twin culvert' yang ada sekarang di Sg. Ara dan Sg. Rawa dalam Kampong Cross Street, Bukit Mertajam?
2. Apakah kemajuan yang telah dicapai tentang pengeluaran surat-surat hakmilik bagi tanah dan rumah-rumah di Taman Sentosa, Bukit Mertajam?
3. Memandangkan Majlis-majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Seberang Perai ada kuasa pentadbiran atas keseluruhan Pulau Pinang dan Seberang Perai masing-masing, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan Undangan ini samada perubahan jenis kegunaan (conversion) tanah dari jenis pertanian ke tanah jenis bandar masih perlu akibat kuatkuasanya Akta Kerajaan Tempatan 1976?
4. (a) Apakah jumlah perbelanjaan yang telah dikenakan oleh Kerajaan Negeri kerana mengambil bahagian dalam Minggu Malaysia Utara pada bulan Mac, 1977?  
(b) Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan Undangan bilangan peserta-peserta yang telah dihantar ke Adelaide bersabit dengan Minggu Malaysia Utara (North Malaysia Week) di Adelaide?
5. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan Undangan ini jumlah pelaburan dari Negeri Australia yang telah dibawa ke Pulau Pinang sejak mengadakan Minggu Pulau Pinang yang pertama di Adelaide?
6. (a) Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan Undangan ini jumlah projek-projek perusahaan Joint Ventures yang telah diadakan antara Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dengan sektor swasta dan juga jumlah pelaburan yang terlibat?  
(b) Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan Undangan ini jumlah Joint Venture ini yang telah gagal dan luput dan berapakah wang modal yang telah hilang akibat kegagalan ini?
7. (a) Sejak pembukaan rasmi KOMTAR, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan Undangan ini samada semua ruang lapang di KOMTAR telah dikeluarkan untuk disewa?

(b) Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini bilakah peringkat KOMTAR yang kemudian akan siap dibina?

### Ketua Menteri:

1. Pembinaan cadangan jambatan-jambatan 'open span' di Sungai Ara dan Sungai Rawa di Kampong Cross Street, Bukit Mertajam tidak dimasukkan dalam Anggaran Tahunan bagi tahun 1977. Kerja ini akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Belanjawan.
2. Tindakan sedang diambil untuk mengeluarkan suratan-suratan Hakmilik kepada Pembeli-pembeli asal rumah yang masih mendudukinya dan yang mana Kerajaan telah membuat Perjanjian. Mengenai semua penduduk lain, tidak ada perjanjian yang dibuat di antara mereka dengan Kerajaan. Oleh itu mereka akan dikaji dan dipertimbangkan mengikut keadaan masing-masing. Ini tentulah akan mengambil masa sebelum kes-kes ini dapat diselesaikan.
3. Perubahan jenis kegunaan tanah daripada 'Pertanian' ke 'Bangunan' adalah tertakluk kepada undang-undang di bawah Kanun Tanah Negara, jika tanah itu pada masa sekarang ialah tanah 'Pertanian'. Akta Kerajaan Tempatan 1976 adalah perundangan yang lain. Kanun Tanah Negara bertujuan untuk mengawal kegunaan tanah tetapi pegangan tanah untuk selama-lamanya di bawah geran gred pertama (first grade grant) adalah tertakluk kepada undang-undang di bawah Akta Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka, 1963. Perubahan jenis kegunaan tanah dari pertanian kepada bangunan adalah dikemukakan kepada Pengarah Tanah dan Galian dan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Tanah yang ditubuhkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan. Kelulusan muktamad dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri.
4. (a) Jumlah perbelanjaan yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri kerana mengambil bahagian dalam Minggu Malaysia Utara di Adelaide, Mac 1977, belum diketahui kerana penyata akaun belum lagi ditutup.  
(b) Sejumlah 315 peserta-peserta telah dihantar untuk mengambil bahagian di dalam Minggu Malaysia Utara di Adelaide.

Pecahan kumpulan-kumpulan adalah seperti berikut—

|  |     |     |        |     |
|--|-----|-----|--------|-----|
| Kerajaan Negeri Pulau Pinang           | ... | ... | ...    | 193 |
| Kerajaan Negeri Perak                  | ... | ... | ...    | 15  |
| Kerajaan Negeri Kedah                  | ... | ... | ...    | 21  |
| Kerajaan Negeri Perlis                 | ... | ... | ...    | 7   |
| Sector Swasta                          | ... | ... | ...    | 38  |
| Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan | ... | ... | ...    | 22  |
| Persatuan Parlimen Komanwel            | ... | ... | ...    | 10  |
| Majlis Perbandaran Pulau Pinang        | ... | ... | ...    | 5   |
| Majlis Perbandaran Seberang Perai      | ... | ... | ...    | 4   |
|  |     |     | Jumlah | 315 |

5. Sehingga hari ini, 3 syarikat usaha bersama telah ditubuhkan dan syarikat-syarikat ini adalah seperti berikut—

| Nama Syarikat                                    | Jumlah Modal Yang<br>telah dibayar |         | "Equity"<br>Australia |
|--|------------------------------------|---------|-----------------------|
|  | M\$                                | M\$     | M\$                   |
| Austra-Asia Developments Pty. Ltd.               | ...                                | 130,000 | 78,000                |
| Australasia International Developments Sdn. Bhd. | ...                                | 500,000 | 200,000               |
| Panelex (M) Sdn. Bhd.                            | ...                                | 250,000 | 20,000                |
|  |                                    | 880,000 | 298,000               |

6. (a) Setakat ini, Perbadanan mempunyai equiti dalam 15 buah syarikat dan di antaranya, satu ialah milik penuh, tiga anak syarikat dan bakinya ialah usaha bersama yang mempunyai kurang daripada 51 peratus penyertaan equiti dan penyertaan equiti kecil. Di dalam 15 buah syarikat tersebut, pelaburan oleh Perbadanan ialah sebanyak \$10.3 juta. Selain daripada syarikat-syarikat tersebut, Perbadanan juga memegang saham di dalam Malaysian International Shipping Corporation dan Hume Industries. Jumlah wang yang dibelanjakan untuk membeli saham Hume dan MISC ialah \$0.6 juta dan bilangan saham yang dipegang dalam MISC ialah 1,250,000 bernilai \$1 tiap-tiap satu saham dan dalam Hume, sebanyak 70,312 bernilai \$2.75 tiap-tiap satu saham. Ini bermakna jumlah equiti yang dipegang dalam kedua-dua syarikat dalam erti-kata nilai saham ialah \$1.4 juta dan bagi semua syarikat ialah \$16 juta.

| <i>Nama Syarikat</i>                                       | <i>Jumlah<br/>Pelaburan<br/>pada<br/>6.4.77</i> | <i>Nilai<br/>Equiti<br/>Pemegang</i> | <i>Modal<br/>Syarikat<br/>yang<br/>dikeluarkan</i> | <i>Peratus<br/>Equiti<br/>Peme-<br/>gang</i> |
|--|---|--------------------------------------|--|--|
| <i>Milik Penuh</i>   | \$  |                                      | \$   |  |
| 1. Penang Electronics Sdn. Bhd.                            | 2,500,000.00                                    | 2,500,000                            | 2,500,000.00                                       | 100.0  |
| <i>Anak-anak Syarikat</i>                                  |   |                                      |  |  |
| 2. Penang Shipbuilding Corp. Sdn. Bhd.                     | 2,246,000.00                                    | 6,489,000                            | 6,846,000.00                                       | 94.8   |
| 3. Malaysia Foods Bhd.                                     | 2,100,000.00                                    | 2,100,000                            | 4,000,000.00                                       | 52.5   |
| 4. Mushroom and General Trading Bhd.                       | 787,500.00                                      | 787,500                              | 1,500,000.00                                       | 52.5   |
| <i>Usaha Bersama/Pe-nyer-taan Equiti Kecil</i>             |   |                                      |  |  |
| 5. Penang Construction Sdn. Bhd.                           | 25,000.00                                       | 25,000                               | 35,000.00  | 45.0   |
| 6. Panelex Sdn. Bhd.                                       | 125,000.00                                      | 125,000                              | 250,000.00   | 42.0   |
| 7. SIKA (M) Sdn. Bhd.                                      | 115,200.00                                      | 115,200                              | 360,000.00   | 32.0   |
| 8. Australasia International Developments Sdn. Bhd.        | 150,000.00                                      | 150,000                              | 500,000.00   | 30.0   |
| 9. Syarikat Nusantara Bhd.                                 | 60,000.00                                       | 60,000                               | 132,795.00   | 30.0   |
| 10. Austral-Asia Developments Pty. Ltd.                    | 30,828.25                                       | 30,828                               | 130,000.00   | 20.0   |
| 11. Penang Commercial and Industrial Development Sdn. Bhd. | 200,000.00                                      | 200,000                              | 1,000,000.00                                       | 20.0   |
| 12. Kanebo (M) Sdn. Bhd.                                   | 850,000.00                                      | 850,000                              | 5,000,000.00                                       | 17.0   |
| 13. Atlas Electronics Sdn. Bhd.                            | 150,000.00                                      | 150,000                              | 1,000,000.00                                       | 15.0   |
| 14. Hitachi Semiconductors (M) Sdn. Bhd.                   | 400,000.00                                      | 400,000                              | 4,000,000.00                                       | 10.0   |
| 15. Schott Glass (M) Sdn. Bhd.                             | 595,000.00                                      | 595,000                              | 5,950,000.00                                       | 10.0   |
|  | 10,334,528.25                                   | 14,577,528                           | 30,703,795.00                                      |  |
| <i>Pembelian Saham Syarikat Swasta Yang Disenaraikan</i>   |   |                                      |  |  |
| 16. Hume Industries ...                                    | 100,077.50                                      | 193,358                              | 33,770,835.00                                      | 0.6  |
| 17. Malaysian International Shipping Corporation           | 500,000.00                                      | 1,250,000                            | 25,000,000.00                                      | 5.0  |
|  | 10,934,605.75                                   | 16,020,886                           | 89,474,630.00                                      |  |

(b) Sehingga hari ini, semua syarikat di mana Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang memegang equiti telah berjalan kecuali Penang Electronics Sdn. Bhd. Syarikat ini telah menggantungkan operasinya akibat kemerosotan keadaan pemasaran. Penang Electronics Sdn. Bhd. mempunyai pegangan equiti dalam Intron (M) Sdn. Bhd. dan Syarikat ini telahpun dibubarkan.

7. (a) Tidak, sejak pembukaan rasmi, ruang-ruang di KOMTAR Peringkat 1A telah semuanya diperuntukkan kepada 72 penghuni. Di antara mereka 56 penghuni yang membeli dan 16 yang menyewa.

(b) Mengikut rancangan peringkat ini peringkat KOMTAR yang kemudian iaitu Peringkat IB adalah dijadualkan akan siap pada Julai 1979.

**(III) Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Tan Gim Hwa)** bertanya kepada Ketua Menteri:

1. Sila kemukakan senarai peserta-peserta dari Pulau Pinang yang mengambil bahagian dalam 'Minggu Malaysia Utara' dan juga nyatakan tanggungjawab dan tugas masing-masing.

**Ketua Menteri:**

1. Peserta-peserta berikut telah mewakili Negeri Pulau Pinang di Minggu Malaysia Utara di Adelaide berdasarkan kepada tugas-tugas dan tanggungjawab berikut:
- |                                    |     |     |     |     |     |     |    |
|------------------------------------|-----|-----|-----|-----|-----|-----|----|
| (a) Pegawai-pegawai (termasuk VIP) | ... | ... | ... | ... | ... | ... | 7  |
| (b) Kewangan                       | ... | ... | ... | ... | ... | ... | 2  |
| (c) Perindustrian dan Pelancungan  | ... | ... | ... | ... | ... | ... | 9  |
| (d) Publisiti                      | ... | ... | ... | ... | ... | ... | 3  |
| (e) Upacara Pembukaan dan Penutup  | ... | ... | ... | ... | ... | ... | 2  |
| (f) Makanan                        | ... | ... | ... | ... | ... | ... | 79 |
| (g) Kebudayaan                     | ... | ... | ... | ... | ... | ... | 67 |
| (h) Pertukaran lukisan murid-murid | ... | ... | ... | ... | ... | ... | 6  |
| (i) Pentadbiran Tanah              | ... | ... | ... | ... | ... | ... | 5  |
| (j) Lain-lain                      | ... | ... | ... | ... | ... | ... | 13 |

Jumlah ... 193 peserta-peserta

**(IV) Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How) bertanya kepada Ketua Menteri:**

- Antara 144 orang/firma/syarikat yang meminta tempat-tempat di Phase I-A, Tun Abdul Razak Complex, berapa daripada mereka yang sebenarnya telah mengambil tempat-tempat yang diminta? Sila berikan nama-nama yang telah mengambil tempat-tempat yang diminta. Bagi mereka yang tidak mengambil tempat yang diminta, adakah wang pendaftaran (booking fees) dikembalikan kepada mereka?
- Sila nyatakan berapa unit dari Phase I-A, T.A.R. Complex adalah untuk dijual dan berapa unit untuk disewa? Sila berikan nama pembeli dan penyewa.
- Sila berikan jumlah perbelanjaan bagi Tun Abdul Razak Complex sehingga masa ini dengan angka pecahan seperti di bawah:
  - Pembayaran kepada "Consultant Consortium"
  - Pembayaran kepada Pemborong Pemancang (Piling Contractor)
  - Pembayaran kepada bangunan
  - Pembayaran kepada tanah
  - Pembayaran gantirugi kepada penduduk-penduduk yang terlibat.
- Adakah kerja memancang (piling work) bagi Phase I-B Tun Abdul Razak Complex telah dimulakan? Kalau begitu, sila berikan nama pemborong dan jumlah perbelanjaan untuk projek ini.
- Sila beri suatu senarai mengenai rancangan perumahan yang akan dilancarkan oleh P.P.P.P. di Bayan Baru dan Seberang Jaya pada tahun 1977 & 1978 berserta dengan maklumat seperti di bawah:
  - Jenis rumah
  - Bilangan tiap-tiap jenis rumah
  - Harga jualan yang dianggarkan untuk tiap-tiap jenis rumah
  - Tarikh persiapan yang dijangka bagi tiap-tiap jenis rumah.
- Sila berikan suatu senarai mengenai pinjaman yang masih belum dijelaskan oleh Kerajaan Negeri, P.D.C. dan Pihak Berkuasa Air pada hari ini dari:
  - Kerajaan Persekutuan
  - Asian Development Bank
  - Consortium of Bank
  - Lain-lain institusi kewangan.
- Sila nyatakan kemajuan Malaysia Food Berhad dan jumlah pengeluaran cendawan sebulan pada tahun 1975 & 1976.
- Adakah apa-apa tanah yang telah diletakkan di bawah Seksyen 4, Akta Pengambilan Tanah, merentang dari Jalan Maxwell ke Sungai Pinang pada tahun 1975/1976? Kalau ada, sila berikan nombor lot.
- Sila berikan alamat berdaftar Syarikat-syarikat di bawah ini yang berperusahaan kongsi dengan kalangan Perniagaan Australia:
  - Australia-Asia Development Pte. Ltd.
  - Australian International Development Sdn. Bhd.
  - Panelex Sdn. Bhd.
  - Evercrisp Snack Product (M) Sdn. Bhd.
  - Crolok Industries (M) Ltd.

Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang, P.D.C. dan kalangan swasta mengambil bahagian dalam syarikat-syarikat tersebut dan adakah ke semua syarikat yang tersebut memulakan perniagaannya?



10. Sila berikan suatu senarai Rancangan Rumah Murah yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri yang akan memanggil tender pada tahun 1977/1978 dan juga tapak bagi tiap-tiap rancangan ini. Sila nyatakan berapa unit akan dibina bagi tiap-tiap skim dan juga tarikh yang dijangka untuk memanggil tender.
11. Dalam belanjawan pembangunan tahun 1976, sejumlah \$47,419,000 telah dipinjam kepada P.D.C. dan sebanyak \$8,660,000 yang lain dipinjam kepada Pihak Berkuasa Air. Sila terangkan samada semua wang dipinjam telah habis dibelanjakan. Kalau tidak, berapa banyakkah telah dibelanjakan dan untuk apa tujuan khas?
12. Jumlah Belanjawan Pembangunan untuk tahun 1976 ialah \$80,596,400 sila nyatakan berapa banyak darinya telah dibelanjakan.
13. Sila berikan satu senarai mengenai Jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri beserta dengan nama-nama Pengerusi dan ahli-ahlinya.
14. Selain daripada Rancangan Perumahan, adakah rancangan lain yang akan dilancarkan oleh P.D.C. di Seberang Jaya pada tahun 1977 & 1978?

### Ketua Menteri:

1. Sejumlah 72 pemohon telah berjaya mendapatkan ruang di KOMTAR Peringkat IA. Berkenaan dengan butir-butirnya, sila merujuk kepada senarai penghuni KOMTAR Peringkat IA yang dilampirkan.  
Bagi orang-orang yang tidak berjaya dalam permohonan mereka, telahpun dihubungi dan ditanya samada mereka ingin menarik balik pendaftaran dan dikembalikan wang tempahan mereka atau dipindah pendaftaran mereka kepada peringkat-peringkat kecil lain.
2. Sejumlah 72 penghuni di KOMTAR Peringkat IA, sebanyak 56 penghuni (menduduki 80 yunit) yang membeli dan 16 penghuni (menduduki 27 yunit) yang menyewa. Berkenaan dengan butir-butirnya sila rujuk senarai dilampirkan kepada jawapan soalan 1.
3. (a) Sejumlah wang sebanyak \$3,560,000 telah dibayar kepada Development Consortium sebagai bayaran perundingan setakat ini.  
(b) Sejumlah wang sebanyak \$33,585,919 telah dibayar kepada pemborong-pemborong untuk kerja-kerja 'piling' bagi Kompleks Tun Abdul Razak setakat ini.  
(c) &  
(d) Sejumlah wang sebanyak \$26,244,560.24 telah dibayar untuk pengambilan atas semua pegangan yang terlibat oleh Kompleks.  
(e) Sejumlah wang sebanyak \$34,070 telah dibayar sebagai bayaran gantirugi setakat ini.
4. Kerja-kerja 'piling' bagi Peringkat 1-B, Kompleks Tun Abdul Razak telah dimulakan dalam bulan November, 1975.  
Pemborong yang menjalankan kerja-kerja 'piling' ialah Messrs Oh Teik Thye (Pte) Ltd.  
Jumlah bayaran yang dibayar kepada pemborong setakat ini ialah sebanyak \$6,571,167.
5. Senarai projek-projek perumahan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang di Bayan Baru dan Seberang Jaya bagi tahun 1977 adalah seperti berikut:

| <i>Projek</i>                            | <i>Jenis</i>                       | <i>Bil. Yunit</i> | <i>Harga jualan yang dianggarkan bagi tiap-tiap jenis</i> | <i>Tarikh Persiapan yang dijangka</i> |
|--|------------------------------------|-------------------|---|---------------------------------------|
| Pusat Kecil Bandar, Bandar Bayan Baru    | 3-bilik rumah pangsa               | 3                 | 22,000  | Disember, 1977                        |
|  | 2-bilik rumah pangsa               | 24                | 15,500  |                                       |
|  | 1-bilik rumah pangsa               | 12                | 8,750   |                                       |
|  |                                    | <hr/> 39          |   |                                       |
| Pusat Kecil Bandar, Bandar Seberang Jaya | 3-bilik rumah pangsa               | 2                 | tidak dapat diketahui                                     | Disember, 1978                        |
|  | 2-bilik rumah pangsa               | 12                | "   |                                       |
|  | Rumah-rumah kedai (dengan 2 bilik) | 9                 | "   |                                       |

| <i>Projek</i>                                | <i>Jenis</i>   | <i>Bil. Yunit</i> | <i>Harga jualan yang dianggarkan bagi tiap-tiap jenis</i> | <i>Tarikh Persiapan yang dijangka</i>                 |
|--|--|-------------------|---|---|
| 2 point-blocks Bandar Bayan Baru             | 1½-bilik rumah pangsa "Bedsitters" (sebuah bilik rumah pangsa) | 98                | 12,500  | Jun, 1978   |
|  |  | 22                | 8,000   |   |
|  |  | 120               |   |   |
There is no delay in implementing proposals suggested by the Bukit Mertajam Traffic Advisory Committee if these proposals have been approved by the State Authority.

However, in some cases proposals have been submitted without full details showing the areas affected. In these particular cases no decision can be made by the State Authority until full details are supplied by the Bukit Mertajam Advisory Committee.

### 6. RANG UNDANG-UNDANG.

#### (1) Rang Undang-Undang Perbe- kalan Tambahan (1976) (No. 2), 1976.

#### Bacaan Yang Pertama

Ketua Menteri: Tuan Speaker, saya  
mohon mencadangkan supaya satu

Rang Undang-Undang yang bernama  
"Suatu Enakmen yang menggunakan  
wang daripada Kumpulanwang Di-  
satukan untuk perbelanjaan tambahan  
bagi perkhidmatan tahun 1976 dan  
bagi memperuntukkan wang itu bagi  
maksud-maksud yang tertentu" di-  
bacakan bagi kali yang pertama.

**Ahli Kawasan Teluk Bahang (Encik Yahya bin Haji Mohamed Yusoff):** Datuk Speaker, saya mohon menyokong.

*Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali yang pertama.*

**Ketua Menteri:** Tuan Speaker, menurut syarat-syarat Peraturan Majlis Mesyuarat 59, saya memberi kenyataan bahawa bacaan kali yang kedua Rang Undang-Undang ini akan dicadangkan dengan serta-merta.

### Bacaan Yang Kedua

**Ketua Menteri:** Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-Undang yang bernama "Suatu Enakmen bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1976 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu" dibacakan bagi kali yang kedua.

Tuan Speaker, tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberi Kuasa Berkanun kepada Kerajaan Negeri bagi menguntukkan perbelanjaan sebanyak Dua juta dua ratus lapan puluh ribu enam ratus empat puluh ringgit (\$2,280,640) untuk perkhidmatan tahun 1976. Butir-butir perbelanjaan ini bersama-sama dengan huraiannya adalah dibentangkan di dalam Dewan ini sebagai Risalah Bil. 3 tahun 1977.

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminta peruntukan-peruntukan tambahan bagi 4 Pecahan-Kepala untuk Jabatan Hal Ehwal Ugama di mana peruntukannya tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya dalam Enakmen Perbekalan (1976), 1975. Oleh yang demikian, peruntukan tambahan sebanyak \$980,640 adalah diperlukan untuk menemui perbelanjaan yang berikut di bawah:

|   | \$         |
|---|------------|
| (i) Pecahan-Kepala 1100—<br>Gaji dan Upahan                           | 903,560.00 |
| (ii) Pecahan-Kepala 1200—<br>Elaun-elaun dan lain-lain<br>Habuan Wang | 17,590.00  |
| (iii) Pecahan-Kepala 1300—<br>Tambahan Gaji Kaki-tangan               | 5,620.00   |

|  | \$         |
|--|------------|
| (iv) Pecahan-Kepala 2900—<br>Perkhidmatan Iktisas<br>dan lain-lain Perkhidmatan yang dibeli dan<br>Hospitaliti | 53,870.00  |
| Jumlah ...   | 980,640.00 |

Ahli-ahli Yang Berhormat akan sedar bahawa Kerajaan Persekutuan biasanya memberi bantuan kewangan kepada Negeri untuk pelajaran Ugama di Sekolah-sekolah Rendah di dalam Negeri Pulau Pinang. Dalam tahun 1974, Kerajaan Persekutuan telah mengkaji semula dasar pelajaran Ugama di Sekolah-sekolah Rendah dan telah memutuskan bahawa pelajaran Ugama di Sekolah-Sekolah Rendah hendaklah diletakkan di bawah pentadbiran Kementerian Pelajaran. Berikutan dengan ini, Pihak Berkuasa Negeri telah mengadakan beberapa mesyuarat dengan Perbendaharaan Persekutuan, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Pegawai-pegawai Kementerian Pelajaran dan adalah dipersetujui bahawa pembayaran gaji, bonos dan sebagainya kepada Guru-guru Ugama di Sekolah-sekolah Rendah hendaklah dibiayai dari Kumpulanwang Persekutuan. Dalam keadaan ini, peruntukan tidak dibuat dalam Belanjawan 1976 untuk menemui bayaran ini.

Walau bagaimanapun, di atas sebab-sebab kelewatan teknik, opsyen untuk Guru-guru Ugama ke Perkhidmatan Pelajaran tidak dapat diselesaikan. Pihak Berkuasa Negeri dengan ini hendaklah membuat pembayaran ini dahulu dan perbelanjaan tersebut akan dibayar balik oleh Kerajaan Persekutuan apabila Guru-guru Ugama telah memilih untuk masuk ke Perkhidmatan Pelajaran.

Berkenaan dengan Pecahan-Kepala 2900—Perkhidmatan Iktisas dan Lain-lain Perkhidmatan yang Dibeli dan Hospitaliti—peruntukan tambahan sebanyak \$53,870 diperlukan untuk menemui pembayaran elaun-elaun kepada Guru-guru Ugama Separuh Masa yang mengajar di kelas-kelas Pelajaran Ugama bagi orang dewasa yang dikelolakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama. Peruntukan tidak di-



buat dalam Belanjawan tahun 1976 kerana adalah difikirkan bahawa perbelanjaan ini hendaklah ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan. Sekarang telahpun ditetapkan bahawa perbelanjaan ke atas kelas-kelas Pelajaran Ugama bagi orang dewasa hendaklah ditanggung oleh Pihak Berkuasa Negeri dan oleh itu peruntukan tambahan sebanyak \$53,870 adalah diminta.

Peruntukan Tambahan yang lain sebanyak \$11,300,000 ialah bagi Pecahan Kepala 4100—Bayaran Pindahan Jabatan Perbendaharaan. Ianya diperlukan sebagai carum kepada perbelanjaan tambahan yang dikehendaki di bawah Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1976 berkenaan dengan Rancangan Perumahan Murah di Kampong Melayu, Peringkat IV.

Sebelum tahun 1976, Kerajaan Negeri telah membelanjakan wang sebanyak \$1,126,906 atas pembinaan Rumah Pangsa Kampong Melayu, Peringkat IV. Dalam tahun 1976, Kerajaan Negeri telah membelanjakan lagi wang sebanyak \$2,717,835 yang bermakna jumlah sebanyak \$3,844,741. Kerajaan Persekutuan telah meluluskan satu pinjaman sebanyak \$2,150,000 bagi projek perumahan ini dan baki perbelanjaan ini telah dibiayai dari sumber-sumber Negeri. Sekarang telah ditetapkan bahawa jumlah kos bagi Rancangan Perumahan Murah Kampong Melayu, Peringkat IV dianggarkan sebanyak \$4,569,008.43. Oleh itu pinjaman tambahan sebanyak \$2,419,008.43 telah diminta daripada Kerajaan Persekutuan.

Tuan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat akan menghargai bahawa Kerajaan Negeri yang sadar akan keperluan mendesak oleh penduduk-penduduk Pulau Pinang untuk mendapat “rumah-rumah perlindungan” telah mengeluarkan sumber-sumber kewangannya sendiri terlebih dahulu untuk menemui tambahan dalam perbelanjaan itu supaya tidak menjejaskan persiapan Rumah-Rumah Pangsa Murah Kampong Melayu sementara menunggu pinjaman tambahan sebanyak \$2,419,008.43 daripada Kerajaan Persekutuan. Oleh yang demikian,

peruntukan tambahan sebanyak \$1,300,000 adalah diminta.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri berazam untuk menyediakan lebih banyak “rumah-rumah perlindungan” atau “home-shelters” bagi penduduk-penduduk di dalam Negeri Pulau Pinang pada tahun 1977. Dua rancangan perumahan yang baru telahpun dilancarkan di Bukit Glugor dan Sungai Pinang. Adalah dijangka bahawa menjelang akhir tahun ini lebih 2,000 yunit rumah-rumah murah akan disiapkan. Kerajaan Negeri akan menambahkan lagi projek-projek perumahan murah yang sesuai dengan mengadakan projek-projek perumahan khas di setiap bahagian Negeri samada melalui kawasan-kawasan rumah-rumah peralihan atau dengan membahagikan dan memajakkan lot-lot tanah yang tertentu untuk membolehkan kumpulan penduduk kita yang berpendapatan rendah bagi membina rumah-rumah murah sepertimana yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Kerajaan akan terus mengekalkan usaha-usahanya untuk mengujudkan keadaan penghidupan yang lebih baik bagi penduduk-penduduk di Negeri Pulau Pinang. Kita akan mengekalkan jarak kemajuan Sosial-ekonomi dan perkhidmatan infrastruktur yang lebih baik dalam Negeri kita. Walaupun Baki Hasil Am kita adalah kukuh, namun Kerajaan akan mengurangkan baki ini apabila perlu untuk membawa kebaikan-kebaikan yang lebih bagi penduduk Pulau Pinang atau sekiranya kita hendak memesatkan lagi pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Speaker, oleh yang demikian, Rang Undang-Undang ini bertujuan meminta Kuasa Berkanun untuk butir-butir perbelanjaan bagi menambahkan peruntukan-peruntukan yang telah disediakan dalam Enakmen Perbekalan Tahun (1976), 1975, dijalankan.

Datuk Speaker, saya mohon mencadangkan.

**Ahli Kawasan Teluk Bahang (Encik Yahya bin Haji Mohamed Yusoff):** Datuk Speaker, saya mohon menyokong.

**Tuan Speaker:** Rang Undang-Undang dibuka untuk dibahas.

*Soalan dikemukakan untuk dipersetujui.*

*Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali yang kedua.*

### **Rang Undang-Undang dalam Jawatankuasa Perbekalan**

Wang sebanyak \$980,640 untuk Kepala B. 11 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$1,300,000 untuk Kepala B. 14 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Jadual, Fasal 1 dan Fasal 2, dan tajuk penuh dan fasal yang mengundangkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

*Dewan bersidang semula.*

### **Bacaan Yang Ketiga**

**Ketua Menteri:** Tuan Speaker, saya mohon melaporkan bahawa Rang Undang-Undang Perbeka'an Tambahan (1976) (No. 2), 1976 telahpun dipertimbangkan sefasal demi sefasal dalam Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Oleh itu saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini sekarang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

*Soalan dikemukakan dan dipersetujui.*

*Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan.*

### **(2) Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (1977) (No. 1), 1977.**

#### **Bacaan Yang Pertama**

**Ketua Menteri:** Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama "Suatu Enakmen bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1977 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu" dibaca'an bagi kali yang pertama.

**Ahli Kawasan Teluk Bahang (Encik Yahya bin Haji Mohamed Yusoff):** Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

*Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali yang pertama.*

**Ketua Menteri:** Tuan Speaker, menurut syarat-syarat Peraturan Majlis Mesyuarat 59, saya memberi kenyataan bahawa bacaan bagi kali yang kedua Rang Undang-Undang ini akan dicadangkan dengan serta merta.

#### **Bacaan Yang Kedua**

**Ketua Menteri:** Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama "Suatu Enakmen bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1977 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu" dibacakan bagi kali yang kedua.

Tuan Speaker, tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberi Kuasa Berkanun kepada Kerajaan Negeri bagi memperuntukkan perbelanjaan tambahan sebanyak lima juta tiga ratus tiga puluh sembilan ribu tujuh ratus tujuh puluh lima ringgit (\$5,339,775) untuk perkhidmatan tahun 1977. Butir-butir perbelanjaan ini bersama-sama dengan huraianannya adalah dibentangkan di dalam Dewan ini sebagai Risalah Bil. 4, tahun 1977.

Tuan Speaker, Rang Undang-Undang ini bertujuan mendapat peruntukan-peruntukan tambahan bagi 3 Pecahan Kepala untuk Jabatan Hal Ehwal Ugama yang mana peruntukan-peruntukan tidak diperuntukan dengan secukupnya dalam Enakmen Perbekalan (1977), 1976. Oleh yang demikian, peruntukan tambahan sebanyak \$970,670 adalah diperlukan untuk menemui perbelanjaan-perbelanjaan yang berikut di bawah:

|   |         |
|---|---------|
|   | \$      |
| (i) Pecahan Kupa'a 1100—<br>Gaji dan Upahan                           | 962,750 |
| (ii) Pecahan Kepala 1200—<br>Elaun-elaun dan lain-lain<br>Habuan Wang | 6,180   |

|                          |       |         |
|--------------------------|-------|---------|
| (iii) Pecahan Kepala     | 1300— | 1,740   |
| Tambahan Gaji Kakitangan |       |         |
|                          |       | <hr/>   |
|                          |       | 970,670 |
|                          |       | <hr/>   |

Tuan Speaker, peruntukan tambahan sebanyak \$970,670 yang diminta oleh Pihak Berkuasa Negeri ialah untuk membolehkan Jabatan Hal Ehwal Ugama memenuhi pembayaran gaji, bonos dan sebagainya kepada guru-guru ugama di sekolah rendah di dalam Negeri Pulau Pinang bagi tahun 1977 kerana tidak ada peruntukan yang disediakan dalam Belanjawan 1977 atas sebab-sebab yang telah saya sebutkan semasa saya mencadangkan Rang Undang-Undang Perbekalan Kedua 1976 yang baru Dewan ini telah meluluskan.

Kerajaan Negeri tidak membuat apa-apa peruntukan untuk guru-guru ugama semenjak tahun 1975 tetapi atas sebab-sebab kelewatan teknik Opsyen ke Perkhidmatan Pelajaran, Pihak Berkuasa Negeri terpaksa membayar gaji, bonos dan sebagainya kepada guru-guru ugama dulu. Perbelanjaan ini akan dibayar balik oleh Kerajaan Persekutuan apabila guru-guru ugama telah memilih untuk masuk ke Perkhidmatan Pelajaran. Saya harap guru-guru ugama bolehlah mengambil opsyen yang ada sekarang.

Peruntukan tambahan yang lain sebanyak \$4,369,105 yang diminta untuk Pecahan-Kepala 4100—Bayaran Pindahan Jabatan Perbendaharaan—adalah untuk membuat peruntukan pinjaman kepada Majlis-Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Seberang Perai mengikut peruntukan-peruntukan Seksyen 5 Enakmen Pinjaman-Pinjaman kepada Pihak-pihak Berkuasa Tempatan, 1975.

Tuan Speaker, atas permohonan-permohonan yang dibuat oleh kedua-dua Majlis Perbandaran kepada Kerajaan Negeri untuk mendapat bantuan kewangan bagi menemui pembayaran gaji dan upahan kepada kakitangan-kakitangannya akibat dari pelaksanaan Lapuran Suruhanjaya Gaji Harun, Kerajaan Negeri, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Atikel

111(2) Perlembagaan Persekutuan, telah memohon kepada Kerajaan Persekutuan untuk meminjam sejumlah wang yang tidak melebihi \$5,000,000 supaya pinjaman-pinjaman dapat diberi kepada Majlis-majlis Perbandaran untuk memperimbangkan kurangan Belanjawan-belanjawan mereka.

Kerajaan Persekutuan telah bersejua memberi satu pinjaman bagi tempoh 10 tahun sebanyak \$4,369,105 kepada Kerajaan Negeri untuk dipinjamkan kepada Majlis-Majlis Perbandaran seperti berikut:

|                                       |              |
|---------------------------------------|--------------|
|                                       | \$           |
| (a) Majlis Perbandaran Pulau Pinang   | 4,150,000.00 |
| (b) Majlis Perbandaran Seberang Perai | 219,105.00   |
|                                       | <hr/>        |
|                                       | 4,369,105.00 |
|                                       | <hr/>        |

Oleh kerana peruntukan tidak disediakan dalam Belanjawan 1977 bagi menggunakan wang daripada Kumpulan-wang Negeri Disatukan untuk memberi pinjaman-pinjaman ini, maka peruntukan tambahan sebanyak \$4,369,105 diminta bagi membolehkan Majlis-Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Seberang Perai mendapatkan pinjaman-pinjaman daripada Kerajaan Negeri.

Tuan Speaker, oleh yang demikian, Rang Undang-Undang ini bertujuan meminta Kuasa Berkanun untuk butir-butir perbelanjaan bagi menambahkan peruntukan-peruntukan yang telah disediakan dalam Enakmen Perbekalan (1977), 1976.

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan.

**Ahli Kawasan Teluk Bahang (Encik Yahya bin Haji Mohamed Yusoff):** Datuk Speaker, saya mohon menyokong.

**Tuan Speaker:** Rang Undang-Undang ini dibuka untuk dibahas.

*Soalan dikemukakan dan dipersetujui.*

*Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali yang kedua.*

## Rang Undang-Undang dalam Jawatankuasa Perbekalan

Wang sebanyak \$970,670 untuk Kepala B. 11 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$4,369,105 untuk Kepala B. 14 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Jadual, Fasal 1, Fasal 2, dan tajuk penuh dan fasal yang mengundang menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

### *Dewan Bersidang Semula.*

#### Bacaan Yang Ketiga

**Ketua Menteri:** Tuan Speaker, saya mohon melapurkan bahawa Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (1977) (No. 1), 1977 telahpun dipertimbangkan sefasal demi sefasal dalam Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Oleh itu saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

*Soalán dikemukakan dan dipersetujui.*

*Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan*

## 7. USUL-USUL

### (A) Usul oleh Yang Amat Berhormat

**Ketua Menteri:** Tuan Speaker, saya ingin mencadangkan satu Usul di atas nama saya, yang berbunyi:

"Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas kembalinya Allahyarham Y.B. Datuk Haji Ahmad Badawi bin Haji Abdullah, D.M.P.N., A.M.N., J.P. ke Rahmatullah dan menyampaikan ucapan takziah kepada isteri Allahyarham, Datin Kailan binti Haji Hassan dan keluarga".

Tuan Speaker, dengan kembalinya Datuk Haji Ahmad Badawi bin Haji Abdullah ke Rahmatullah, kita telah kehilangan bukan sahaja seorang sahabat dan rakan seperjuangan karib, tetapi juga kehilangan seorang putera yang ulung di dalam Negeri Pulau Pinang. Pemergiannya akan dikabungkan bukan sahaja oleh keluarganya dan rakan-rakan kita dalam Kerajaan, tetapi juga oleh UMNO Malaysia dan rakyat Pulau Pinang.

Allahyarham Datuk Haji Ahmad ialah seorang perintis dalam perkembangan politik Malaysia, khususnya dalam penubuhan UMNO dan beliau telah menjadi Timbalan Presiden Belia UMNO sejak penubuhannya pada 11hb Mei, 1946 hingga 1960 apabila beliau berdamang rapat dengan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri kita sekarang, Tun Datuk Haji Sardon bin Haji Jubir. Beliau juga adalah salah seorang yang mempelopori perjuangan untuk mencapai kemerdekaan negara. Keahliannya dalam Majlis Kerja UMNO meliputi tempoh pimpinan tiga orang Perdana Menteri kita, mulai penubuhan UMNO dalam tahun 1946 hingga ke pimpinan Perdana-perdana Menteri Tunku Abdul Rahman, Allahyarham Tun Abdul Razak dan Datuk Hussein Onn. Beliau juga adalah seorang ahli Jawatankuasa Kerja Perikatan dahulu.

Beliau telah bertanding di dalam pilihanraya dalam tahun 1959 dan telah menang. Di dalam pilihanraya-pilihanraya yang berikutan, beliau juga berjaya. Populariti Allahyarham dapat dibuktikan dalam pilihanraya yang lalu di mana beliau telah menang tanpa bertanding. Sekarang, Kawasan Bertam adalah dianggap sebagai sebuah kubu UMNO yang kukuh.

Tuan Speaker, Allahyarham Datuk Haji Badawi juga memainkan peranan yang utama dalam menubuhkan Kerajaan Campuran di antara Gerakan dan UMNO dalam tahun 1972 dan telah membantu secara besar-besaran terhadap penubuhan Barisan Nasional seterusnya.

Sebagai satu penghormatan dan penghargaan atas khidmat-khidmat dan jasa-jasa Allahyarham terhadap Negeri dan Negara, Allahyarham telah dianugerahkan A.M.N. oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong dalam tahun 1959. Ini pula diikuti oleh Kerajaan Negeri yang mengurniakan J.P. dalam tahun 1972 dan pengurniaan gelaran Datuk (D.M.P.N.) dalam tahun 1974.

Dalam tahun 1972, Allahyarham Datuk telah dilantik sebagai seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, jawatan yang mana telah dipegang oleh

beliau sehingga akhir hayatnya pada 7hb Mei, 1977. Sebagai seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan yang kanan Allahyarham Datuk Haji Ahmad juga telah dilantik sebagai Pemangku Ketua Menteri semasa dua tempoh yang singkat apabila saya berada di Adelaide untuk Minggu Pulau Pinang dan awal tahun ini untuk Minggu Malaysia Utara.

Tuan Speaker, Allahyarham juga adalah seorang Ahli Majlis Ugama dan Pengerusi Jawatankuasa Zakat dan Fitrah. Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Mesjid Negeri, Allahyarham merupakan penyokong dan perangsang yang kuat terhadap kempen mengutip derma untuk Mesjid Negeri yang berjumlah sebanyak \$612,443.53 setakat ini. Beliau juga pernah menjadi Guru Besar Sekolah Madrasah Daeratul Almaarif Alwataniah, Kepala Batas, sebuah sekolah ugama yang terkenal di Malaysia Utara.

Tuan Speaker, adalah satu hakikat yang termaklum bahawa dedikasi dan penglibatan Allahyarham demi kepentingan UMNO dan kaum Melayu dapat ditunjukkan semasa beliau terpaksa menjual sebahagian hartanya untuk mengekalkan kedudukannya. Tokoh pemimpin yang ulung dan yang mendedahkan dirinya sendiri ini selalu dihormati dan disanjung tinggi oleh semua orang yang kenalnya dan dikasihi oleh mereka semua yang berdamping rapat dengannya. Dengan pemergianya, kita telah kehilangan seorang sahabat yang amanah dan seorang rakan perjuangan yang dapat kita bergantung kepadanya untuk mendapatkan nasihat dan ketenangan jiwa. Sementara kita menanggung perasaan sedih di saat ini kerana telah kehilangan seorang tokoh politik yang terkenal namun kita yakin perjuangan dan pengorbanan Allahyarham Datuk Haji Ahmad tidak akan disia-siakan. Malah jasanya kepada UMNO dan usahanya akan diteruskan oleh rakan-rakan Allahyarham dalam UMNO dan Barisan Nasional. Saya juga ingin mengalu-alukan perlantikan Y.A.B Datuk Hussein Onn sebagai Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri. Saya percaya perlantikan Y.A.B. Datuk Hussein Onn akan menjadi satu

sumber kebanggaan dan inspirasi kepada UMNO Pulau Pinang.

Tuan Speaker, saya yakin Ahli-Ahli Yang Berhormat akan menyokong Usul ini dengan sebulat suara.

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman):** Datuk Speaker, saya bangun menyokong Usul ini dengan hasrat ingin menyampaikan ucapan takziah kepada balu dan keluarga Allahyarham Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah serta merakamkan perasaan yang amat sedih Dewan ini di atas kembalinya Allahyarham ke Rahmatullah, dan marilah kita berdoa semoga roh Allahyarham dikumpulkan dalam golongan ahli Jannah.

Walaupun saya bukanlah seorang yang sama-sama berjuang dengan Allahyarham dari sejak mula-mula perjuangan Allahyarham dalam bidang politik, terutamanya di dalam UMNO, tetapi sebagai seseorang yang rapat dengan Allahyarham sejak kebelakangan ini dan sebagai seorang yang sentiasa meneliti perjuangan Allahyarham bolehlah saya tegaskan di sini iaitu Allahyarham adalah seorang tokoh dan pejuang yang sangat gigih dalam kedua-dua bidang politik dan ugama di tanah air kita ini.

Ketokohan dan kepimpinan Allahyarham dalam bidang-bidang politik dan ugama tidak ada bandingnya. Beliau juga jagoh dalam lapangan berpidato sehingga Allahyarham sanggup menakluki hati para pendengarnya terutama apabila Allahyarham berpidato dalam lapangan ugama di mana kebijaksanaan beliau dalam lapangan tersebut sukar pula ditandingi.

Sekalipun saya bukanlah setaraf dengan Allahyarham baik dari segi umur, pengalaman dan juga kebijaksanaan, namun Allahyarham yang boleh saya anggapkan sebagai bapa tidak pernah menunjukkan sifat-sifat yang menyatakan bahawa Allahyarham seorang yang lebih pandai atau tidak suka bertukar fikiran atau pendapat dengan orang-orang yang lebih muda daripadanya. Allahyarham sentiasa melahirkan sifat-sifat dan sikap-sikap beker-

jasama, membantu dan membimbing terutamanya bagi golongan yang termuda daripada Allahyarham.

Saya percaya semua Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini merasakan sangat kehilangan Allahyarham dari kalangan kita. Oleh kerana semasa hayatnya bersama-sama kita, kita semua dapat merasakan bahawa adanya Allahyarham di kalangan kita seolah-olah adanya seorang tokoh yang sentiasa memberikan kita semangat berjuang dan berkhidmat kepada bangsa dan negeri, iaitu mencontohi diri Allahyarham sendiri yang walaupun telah mencapai usia yang lanjut masih cergas dan mampu berdiri membeli kepentingan orang ramai.

Terutama sekali, bagi saya dan juga rakan-rakan saya di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, kami sangat-sangat merasakan kehilangan Allahyarham dalam Majlis Mesyuarat.

Dalam lapangan politik, Datuk Speaker, Allahyarham sudah begitu matang dan berpengalaman sekali. Allahyarham berjuang di dalam UMNO sejak UMNO dilahirkan, iaitu Allahyarham menceburkan diri ke dalam bersama-sama dengan Persatuan Melayu Seberang Perai. Bo'lehlah kita banggakan bahawa Allahyarham adalah salah seorang "patriot" bangsa, tokoh pejuang kemerdekaan tanahair yang bersama-sama dari awal memperjuangkan kemerdekaan sehingga tercapai kemerdekaan, kemudiannya bersama-sama pula berjuang mengisikan kemerdekaan sehingga mencapai ke usia 20 tahun merdeka.

Allahyarham pada satu masa bersama-sama dengan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang sekarang—Tun Datuk Sardon bin Haji Jubir—telah berjasa besar, yangmana jasa-jasa itu tetap tercatat dalam sejarah politik iaitu mengasaskan dan menubuhkan Pergerakan Pemuda UMNO. Kejayaan Allahyarham bersama-sama rakan-rakannya mengembeling semangat pemuda serta menyatukan tenaga pemuda untuk bersatu dalam sebuah Pergerakan Pemuda yang sehingga hari ini telah menjadi sebuah tenaga raksaksa politik di

tanah air yang diakui oleh kawan dan lawan.

Di samping itu di antara jasa Allahyarham yang tidak akan dilupakan oleh sejarah ialah di mana Allahyarham bersama-sama dengan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang sekarang telah berjaya menandatangani tarikh kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada masa itu kepada Yang Teramat Mulia Tengku Abdul Rahman Putra, Yang di-Pertua UMNO pada masa itu dan dengan tarikh itulah Rombongan Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu telah berangkat ke England dan seterusnya terciptalah kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu dan seterusnya Malaysia pada hari ini.

Datuk Speaker, ramai orang yang mengetahui bahawa Allahyarham adalah seorang tokoh politik yang sangat bersih, jauh daripada sifat-sifat keburukan yang boleh mencemarkan namanya. Allahyarham berjuang di dalam politik dengan semata-mata mengorbankan masa, tenaga, bahkan wang-ringgit dan harta-bendanya yang tidak dapat dinilai. Semuanya itu Allahyarham lakukan semata-mata demi kepentingan bangsa, negara dan agama dan Allahyarham sentiasa berpegang kepada falasafah hidupnya, iaitu hidup untuk berbakti, dan bukannya untuk kepentingan diri ataupun untuk kepentingan segolongan manusia.

Ini semuanya terdapat kepada diri Allahyarham adalah juga disebabkan Allahyarham ialah seorang ahli agama, ulamak dan tokoh pendidik Islam yang terpenting dan terkemuka. Apabila masyarakat menimbulkan nama Haji Ahmad Badawi, seluruh masyarakat Islam di seluruh tanahair Semenanjung Malaysia kenal beliau. Masyarakat kenal Haji Ahmad Badawi, iaitu anak kepada ulamak terbilang Allahyarham Tuan Sheikh Haji Abdullah Fahim, bekas Mufti Pulau Pinang. Sebab itulah Datuk Speaker pada diri Allahyarham sukar kita dapat kecelaan-kecelaan yang boleh mencemarkan namanya sebagai seorang pejuang politik Melayu, sebagai seorang ulamak, dan sebagai seorang ahli pendidik. Perju-

ngan politiknya boleh dianggap sama pentingnya seperti perjuangan ugama iaitu satu perjuangan yang mesti dilakukan sehingga akhir hayat dikan dung badan.

Sebagai seorang pendidik, Allahyarham telah mendidik beribu-ribu bekas pelajarinya di seluruh pelusuk tanahair di mana bekas murid-muridnya itu ada yang masih sedang meneruskan benih perjuangan yang telah Allahyarham semaikan. Allahyarham memimpin, memandu dan membimbing samada dalam bidang ugama atau politik sehingga kesannya pada hari ini pun di dalam Dewan yang mulia ini pun ada anak-anak murid Allahyarham yang telah berjuang bersama-sama dengan Allahyarham seiring sejalan dan akan tetap meneruskan perjuangan Allahyarham. Inilah satu-satunya sejarah yang tetap terukir di dalam lambarannya, yang pasti akan menjadikan satu sanjungan dan bangaan bagi jenerasi yang akan datang. Datuk Speaker, Allahyarham Datuk Haji Ahmad sesungguhnya adalah seorang pemimpin dalam ertikata pemimpin yang tulen, iaitu seorang pemimpin yang sebelum akhir hayat telah dapat membentuk beberapa pasukan, beberapa angkatan untuk menjadi penyambung perjuangannya untuk meneruskan asas-asas perjuangan yang beliau semai dan tanam.

Ketokohan dalam kepimpinan Allahyarham mendapat sanjungan daripada rakan-rakan Allahyarham di dalam Dewan yang mulia ini sehingga pada satu masa iaitu selepas pilihanraya tahun 1959. Allahyarham telah mendapat kepercayaan Dewan yang mulia ini di mana Allahyarham telah dipilih mewakili Dewan dan Negeri Pulau Pinang di dalam Dewan Negara atau Senate. Allahyarham adalah salah seorang Ahli Dewan ini yang paling lama berkhidmat, iaitu sehingga ke akhir hayatnya telah menjadi ahli Dewan ini ke penggal yang keempat. Kenyataan ini semuanya adalah bukti yang paling terang dan jelas menunjukkan bagaimana ketokohan Allahyarham. Datuk Speaker, saya juga di sini turut bersimpati dengan pengundi-pengundi dan rakyat di kawasan Bertam

yangmana mereka telah kehilangan seorang pemimpin yang bersikap dan bertindak bukan sahaja sebagai Wakil Rakyat bahkan lebih dari itu, iaitu sebagai seorang bapak.

Datuk Speaker, di sebalik rasa kesedihan dan kehilangan yang kita alami dengan kembalinya ke Rahmatullah Allahyarham Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah, marilah kita semua menjadikan Allahyarham tokoh yang kita patut contohi terutamanya dari segi sifat-sifat dan dedikasi Allahyarham sebagai seorang pemimpin yang jujur, berterus-terang, ikhlas dan sentiasa sabar menghadapi masalah-masalah. Kebesaran sifat-sifatnya dapat menjadi ikutan kita demi meneruskan perjuangan kita ke hadapan.

**Ahli Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh):** Datuk Speaker, saya menyokong di atas Usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan juga mengenai Usul ucapan takziah di atas kematian Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi. Saya juga bersama-sama dengan Ahli-ahli yang lain iaitu menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham dan juga kepada Datin Kailan yangmana pada hari ini adalah di dalam saat kesusahan di atas kematian Allahyarham itu.

Datuk Speaker, memanglah satu perkara yang tidak dapat kita nafikan iaitu Allahyarham, sepertimana yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan juga penyokong dari Bayan Lepas, ia adalah seorang pejuang yang ulung, seorang tokoh politik dan seorang tokoh ugama yang sukar hendak ditandingi terutama sekali dalam Negeri Pulau Pinang.

Pada masa hayatnya Allahyarham memanglah telah banyak mengorbankan masa, wang-ringgit dan juga fikiran terutama sekali untuk menyatupadukan orang-orang Melayu khususnya di Pulau Pinang dan juga terutama sekali di Daerah Seberang Perai Utara ataupun di Kepala Batas khususnya.

Datuk Speaker, setakat yang saya dapat mengikuti di atas perjuangannya dalam masa-masa yang lalu serta

melihat dan membaca sejarah perjuangan Allahyarham itu, memanglah Allahyarham seorang yang begitu gigih dan mempunyai semangat yang kuat sekali; dan kita berharap di atas segala usaha-usaha yang telah dibuat oleh Allahyarham dapat menjadi contoh bukan sahaja khususnya kepada Parti UMNO atau Barisan Nasional yang ada di Negeri Pulau Pinang ini bahkan kepada anak-anak muda kita juga kepada kalangan-kalangan belia-belia umumnya, akan mengambil tauladan di atas segala langkah dan juga perjuangan beliau. Beliau juga adalah seorang tokoh belia ataupun seorang tokoh pemuda yang ulung yang telah dapat menyatu-padukan terutama sekali pemuda-pemuda Melayu seketika dahulu pada masa kita berjuang untuk menebus dan mengembalikan kedaulatan dan kemerdekaan Negara kita.

Kalau kita bandingkan di atas kegigihan beliau itu memanglah sukar kita mendapati seorang yang seimbang dengan kedudukan beliau. Oleh itu, Datuk Speaker, kita sungguh berasa sedih di atas peninggalan beliau ini, lebih-lebih lagi pengundi-pengundi di Kawasan Bertam sekarang. Seperti-mana kita semua tahu, dengan kekosongan di Kawasan Bertam itu, kita akan menghadapi satu pilihanraya kecil; di mana kita berharap keadaan di Bertam itu bagi pihak Barisan Nasional akan dapat mengekalkan kedudukan, bahkan akan dapat diper-tahankan apa jua tentangan yang mungkin datang manakala pilihanraya kecil itu diadakan.

Datuk Speaker, di dalam ucapan saya yang ringkas ini, saya sukalah mengesyorkan kepada Dewan ini iaitulah di dalam kita mengenangkan di atas jasa dan pengorbanan dan juga perjuangan Allahyarham, patutlah juga Kerajaan memberi satu peringatan dan penghargaan kenangan iaitu dengan menamakan mana-mana kompleks ataupun mana-mana bangunan yang kita agak sesuai di dengan nama Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi.

Sekianlah sahaja, Datuk Speaker, saya sudahi dengan berbilang-banyak terima kasih.

**Ahli Kawasan Tasek Glugor (Encik Md. Noor bin Ahmad):** Datuk Speaker, saya juga menyokong Usul yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri mengenai dengan kematian Allahyarham Datuk Haji Ahmad. Datuk Speaker, semua kata-kata yang telah dilafazkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan juga oleh penyokongnya, iaitu Yang Berhormat Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman, dan saya di sini adalah ingin menambah di atas syor yang telah dipertakakan oleh Ahli bagi Kawasan Penaga.

Yang Berhormat Datuk Speaker, tadi Ahli Kawasan Penaga telah mengesyorkan beberapa nama untuk mengenangkan jasa Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi, maka di sini syor ini saya jadikan sebagai cadangan iaitu dalam kawasan pilihanraya beliau di Bertam sendiri telah ada dua buah sekolah menengah yang belum lagi diberi nama. Dalam rancangan ini Sekolah Menengah Kebangsaan Kepala Batas dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Inggeris Kepala Batas saya suka mencadangkan nama ini dengan memberikan nama beliau, jika boleh, ataupun diadakan cadangan ini oleh Jabatan Pelajaran Pulau Pinang. Saya rasa cukuplah untuk mengekalkan ketokohan beliau dalam bidang politik dan agama bagi Negeri Pulau Pinang ini. Sekolah yang patut diberi nama beliau ini saya berpendapat lebih tepat diberikan nama Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Haji Ahmad Badawi, Kepala Batas, kerana Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Haji Ahmad Badawi ini seperti yang telah saya cadangkan ini diusahakan oleh Datuk Haji Ahmad sendiri dalam tahun 1966 lagi yangmana pada masa itu Yang Berhormat Encik Khir Johari menjadi Menteri Pelajaran.

Lagi satu saya suka mencadangkan untuk mengambil nama beliau di Negeri Pulau Pinang kita ini ialah sebuah dewan yang beliau sendiri menjadi Pengerusinya iaitulah Dewan Syarahan untuk Masjid Negeri yangmana pembinaan Masjid Negeri ini adalah dipengerusikan oleh Yang Berhormat Datuk dan sehingga ke saat akhirnya



juga beliau masih memegang jawatan itu. Jadi sebagai seorang tokoh syarahan yang begitu ulung di peringkat beliau masih muda juga di dalam syarahan-syarahan dan kempen-kempen pilihanraya bagi Parti Perikatan pada masa itu syarahannya amatlah hangat dalam suasana kempen pada masa itu sehingga beliau digelar sebagai seorang yang pintar dalam sebarang ucapannya. Jadi saya berpendapat sangatlah kena pada tempatnya jika Dewan Syarahan diwujudkan di Masjid Negeri yang akan dibina oleh Kerajaan kita. Dan sebagai mengakhiri ucapan saya bagi menyokong Usul ini inilah saya rakkamkan dua buah pantun. Jika Yang Berhormat Datuk Speaker izinkan, saya cuba bacakan pantun ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pantun yang saya ingin bacakan bagi mengenangkan Allahyarham Datuk Haji Ahmad ini, yang pertama ialah;

Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi,

Tiga Sahabat berada dalam sebuah negeri,

Berjuang, bekerja hingga merana diri,

Sepatutnyalah kita menjunjung tinggi.

Pantun yang kedua:

Tuan Yang Terutama dan Dr Lim Chong Eu,

Sahabatnya yang paling rapat serta setia,

Meninggalnya ia kita rasa sangat sayu,

Semuga rohnya ditempatkan di syurga.

Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Datuk Speaker, saya mohon menyokong penuh Usul yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dengan sokongan oleh Yang Berhormat Ahli Bayan Lepas.

Allahyarham Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Badawi ialah seorang kawan saya tetap 10 tahun, sebelum saya sebagai wakil rakyat di sini. Saya

adalah kenal beliau di dalam Kepala Batas. Saya adalah selalu datang di kampung beliau di mana semua orang duduk di kampung panggil beliau "Bapa Haji" dan saya sendiri tahun dahulu adalah sebagai ahli pembangkang, tetapi beliau selalu ada panggil saya kawan baik, selalu bagi saya nasihat dan bagi saya tahu macam apa saya boleh baca Bahasa Malaysia baik. Inilah bukan seorang kawan, seorang yang bekerja kuat di dalam politik saja, tetapi beliau ialah seorang kawan bagi semua orang-orang di dalam Seberang Perai Utara terutama sekali Kepala Batas. Sebab itulah saya pun rasa dukacita ialah Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi sudah *pass away*. Tetapi saya pun juga menyokong Usul yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

*Soalan dikemukakan dan Usul dipersetujui.*

*Dewan ditangguhkan pada jam 4.17 petang.*

*Dewan bersidang semula pada jam 4.44 petang.*

**(B) Usul oleh Yang Berhormat Encik Ahmad bin Salleh.**

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh):** Yang Berhormat Datuk Speaker, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker yang telah memberi peluang kepada saya untuk mengusulkan satu Usul, iaitu turut mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas ucapan yang telah dibuat oleh Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Di atas kebenaran Datuk, saya sekali lagi mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti mana yang telah kita sedia maklum bahawa Dewan ini patutlah merakamkan ucapan setinggi terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri yang telah sudi melafazkan ucapan di dalam Dewan ini

pada pagi tadi. Dan sesungguhnya bahawa ucapan yang dibuat oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri tadi adalah satu ucapan yang memberi erti kepada seluruh ahli Dewan ini dan seluruh rakyat dalam Negeri Pulau Pinang khususnya.

Dalam ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri tadi telah menyentuh banyak aspek yang patut kita sama-sama mengambil perhatian. Dalam ucapan itu telah menyentuh berbagai-bagai rancangan yang meliputi seluruh Negeri Pulau Pinang dan pada pendapat saya bahawa titah ucapan tadi adalah merupakan satu ucapan dasar yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri ini. Dan menyentuh ucapan tadi Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri telah menyatakan ucapan penghargaan dan

setinggi-tinggi terima kasih pertama sekali kepada pasukan keselamatan kita yang telah memberikan khidmat yang cemerlang bagi menjaga dan memelihara keamanan negeri ini walaupun banyak masalah-masalah dan rintangan yang dihadapi oleh pasukan keselamatan kita, namun semangat yang teguh telah ditunjuk oleh ahli-ahli pasukan keselamatan kita.

**Tuan Speaker:** Yang Berhormat, ucapan Yang Berhormat ini agak panjang kah?

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh):** Ya, panjang.

**Tuan Speaker:** Jadi akan kita tangguhkan Dewan ini hingga esok.

*Dewan ditangguhkan pada jam 4.47 petang.*